

Pemartabatan 'Realiti' dan 'Realisme' ke Status Konvensi Sastera dalam Kesusasteraan Melayu

BITARAVolume 2, Issue 2, 2019: 109-136
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Putting 'Reality' and 'Realism' to the Literary Convention Status in Malay Literature in the Right Place]

Ungku Maimunah Mohd. Tahir¹ & Washima Che Dan

Abstrak

Apabila R.J. Wilkinson, pentadbir dan sarjana Inggeris, menobatkan Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi sebagai bapa kesusasteraan Melayu moden dengan hujah bahawa tulisan Abdullah berlegar pada realiti kehidupan seharian masyarakat dewasa itu, lantas sastera Melayu menyaksikan kemasukan idea realiti dan realisme sebagai satu fahaman tentang penulisan. Antara ciri yang dikaitkan dengan realisme ialah tumpuan naratif kepada perkara bobrok, khususnya kebejatan moral, watak pinggiran dan kerdil, rincian sebagai alat pengisahan dan bahasa rendah serta kasar. Dalam konteks sastera Melayu moden, ciri-ciri realisme tersebut memainkan peranan penting dalam mencorakkan perkembangan novel dan cerpen. Antara sebab realisme serta ciri-cirinya itu diterima dan dipertahankan oleh penulis dan pengkritik tempatan ialah iklim sastera Melayu yang jelas memihak kepada penggunaan realisme di satu pihak, dan penilaian positif terhadap pemanfaatannya di pihak yang lain. Kedudukan realisme seterusnya mendapat pengabsahan ampuh apabila diperkukuhkan oleh laporan Panel Anugerah Sastera Negara, iaitu penapis tertinggi negara dalam hal-ehwal sastera. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk meneliti perihal pemartabatan 'realiti' dan 'realisme' ke status konvensi sastera dalam kesusasteraan Melayu. Penulisan ini bersifat kajian kualitatif dengan Persuratan Baru cetusan Mohd. Affandi Hassan sebagai kerangka dan dasar analisis dalam mengetengahkan realisme sebagai konvensi sastera dalam kesusasteraan Melayu. Kajian ini secara yakin berupaya mencabar paradigma Barat yang mengutamakan realisme dalam karya kreatif. Contoh manifestasi realisme dapat dilihat dalam karya kreatif *Melukut Kota* yang memperagakan kebejatan moral, watak sub-sosial serta penggunaan bahasa kasar, yang semuanya menepati tuntutan realisme dan dikatakan melahirkan karya yang realistik. Dapatan kajian ini menghujahkan bahawa kelanjutan pemanfaatan realisme dalam kalangan penulis kreatif dan pengkritik dengan mudah menjadikan realisme sebagai konvensi sastera yang sah, wajar dimanfaatkan dan terjamin daripada sanggahan dan pertikaian. Walaupun sudah mencapai tahap konvensi sastera, realisme dipertikaikan oleh Gagasan Persuratan Baru cetusan Mohd. Affandi Hassan yang membezakan antara cerita dan ilmu, memberi prioriti kepada ilmu yang benar, menolak kebobrokan sebagai tumpuan naratif, mengetengahkan watak besar sebagai corong idea bernas dan bermakna, serta menggunakan bahasa tinggi dan indah sebagai manifestasi seni.

Kata Kunci

realisme, realiti, naratif, konvensi sastera, Persuratan Baru

¹Universiti Kebangsaan Malaysia.

Corresponding Author:

Ungku Maimunah Mohd. Tahir, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
E-mail: ungkumaimunah@yahoo.com

Abstract

When R.J. Wilkinson, the English Administrator and scholar, appointed Abdullah bin Abdul Kadir Munshi as the father of modern Malay literature, arguing that Abdullah's writing was a fact of daily life in contemporary society, the idea of Malay literature saw the entry of reality and realism as a conception of writing. A narrative emphasis on the subject, in particular moral constraints, marginalization and minor, information as a means of separation and low and coarse language, are among the features associated with realism. In the context of modern Malay literature, the characteristics of realism play an important role in the development of novels and short stories. Among the reasons for realism and its characteristics, writers and critics have acknowledged and defended, it is clear that the Malay's literary environment favours the use of realism on one hand and on the other, a positive assessment of its applicability. The role of realism is further strengthened by the study of the National Literature Awards Panel, the country's highest literary body. The aim of this study is therefore to examine the subject putting 'reality' and 'realism' in the right place to the status of a literary convention in Malay literature. This paper is a qualitative study of Mohd Affandi Hassan's new writings as a framework and a basic analysis of realism as a literary convention in Malay literature. This study confidently aims to question the Western paradigm that gives priority to realism in creative work. Examples of manifestations of realism can be seen in the artistic works of Melukut Kata, which exemplify moral imperatives, sub-social characters and the use of coarse language, all of which meet the demands of realism and are said to produce realistic works. The results of this study argue that the continued use of realism by creative writers and critics can easily turn realism into a legitimate literary tradition, properly used and shielded from dissension and dispute. Despite reaching literary conventions, realism is challenged by Mohd Affandi Hassan's New Writings Ideas, which distinguish between story and knowledge, prioritize actual knowledge, rejecting collusion as a narrative focus, highlighting character as a fun and meaningful idea, and use high and beautiful language as a manifestation of art.

Keywords

realism, reality, narrative, literary conventions, New Letters

Cite This Article:

Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Washima Che Dan. 2019. Pemartabatan 'realiti' dan 'realisme' ke status konvensi sastera dalam kesusasteraan Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(2): 109-136.

Pengenalan

Dalam karyanya yang diterbitkan pada tahun 1940 berjudul, *A History of Malay Literature*, khususnya Bab XII dengan subjudul 'Munshi 'Abdullah', R.O. Winstedt, pentadbir dan sarjana Inggeris yang mempunyai pandangan dingin terhadap sastera Melayu secara umumnya menyimpulkan sumbangan Abdullah Munshi, yang dianggap bapa kesusasteraan Melayu moden, dengan satu perkataan yang sangat bermakna dan mempunyai implikasi yang besar terhadap sastera Melayu secara keseluruhannya, iaitu perkataan 'realisme', seperti berikut:

*His works, though criticised for Anglophile bias have been an inspiration to generations of Malays. Foreigner though he was, he led them back from an arid desert of euphuism and imitation of foreign models to **a realism**, that had started in*

the fifteenth century and is in accord with the genius of a race of extroverts (Winstedt 1940: 120).

Walaupun tulisannya dikritik kerana kesendengannya terhadap Inggeris, namun tulisannya itu telah menjadi inspirasi kepada orang Melayu turun temurun. Walaupun beliau bukan berketurunan Melayu, beliau telah membawa orang Melayu dari bentuk kiasan yang berlebihan dan tiruan model-model asing, yakni tulisan yang boleh diumpamakan seperti gurun tandus, kepada (fahaman dan bentuk) *realisme*, yang sudah bermula dari kurun ke-15 lagi, dan tepat pula dengan kepintaran bangsa yang berfikiran dan berpandangan terbuka.¹

Ternyata bagi Winstedt, *realisme* atau fahaman dan bentuk *realisme* adalah penyelamat sastera Melayu, yang sebelum itu begitu gersang sekali, tetapi menjadi 'moden' setelah berkenalan dan menerima 'realisme'. Sesungguhnya fahaman seperti ini telah disuarakan oleh pentadbir dan sarjana Barat jauh sebelum itu seperti Alfred North, mubaligh Amerika yang menawarkan khidmatnya kepada London Missionary Society, dan R.J. Wilkinson, mentor Winstedt (Ungku Maimunah 2000); namun ia disimpulkan dengan mudah oleh Winstedt, seperti yang tertera pada kutipan di atas. Dengan itu, *realisme* mengambil tempatnya dalam kesusasteraan Melayu, jelas dan yakin dengan peranannya dalam memodenkan sastera Melayu secara khusus dan dalam mencorakkan sastera Melayu secara keseluruhannya. Sehubungan dengan itu, dalam konteks sastera Melayu dewasa ini, beberapa istilah yang bertitiktolakkan *realisme* muncul dan diguna pakai seperti 'realiti', 'realistik', 'realitas' dan 'real'. Turut terangkum dalam gugusan istilah ini ialah 'pengalaman [sendiri]' sebagai keperluan asas bagi merealisasikan 'realiti'. Hakikat Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu XI (SAKM XI) 2011 memilih 'Sastera dan politik: Antara kreativiti dan **realiti**' (penekanan ditambah) sebagai temanya menunjukkan betapa intimnya istilah *realiti* dan istilah segugus dengannya itu dalam kesusasteraan Melayu. Ia diguna oleh penulis kreatif dan juga pengkritik sastera untuk pelbagai urusan seperti urusan pujian (seperti: 'karyanya persis *realiti*'), sanggahan (seperti: 'karyanya tidak *realistik*, tidak masuk akal') mahupun kewajaran (seperti: 'itulah *realiti*'). Seterusnya istilah-istilah ini menjadi semacam mantra² yang dimanfaatkan dengan selesa, penuh yakin, dan dengan andaian pemanfaatannya itu tidak memerlukan penjelasan atau kewajaran lanjut kerana ia memadai seperti adanya. Ia juga tidak mengundang soalan. Oleh itu, soalan atau pertikaian tentang ketepatan, kesesuaian atau kecukupannya sebagai penjelasan dilihat sebagai sesuatu yang aneh, menghairankan atau tidak wajar sama sekali. Bagaimanakah istilah-istilah ini boleh mencapai ke tahap 'mantra' seperti itu? Ini rata-rata berkait rapat dengan kedudukan *realisme* sebagai istilah dan juga konsep yang telah dimartabatkan sebagai konvensi sastera. Dan sesuai dengan pengertian ungkapan 'konvensi sastera' itu sendiri, ia hadir sebagai sesuatu yang sudah mantap dan cukup, dipersetujui, diterima dan diguna pakai tanpa pertikaian oleh masyarakat sastera berkenaan. Perihal ini mengimbau kepada rumusan Winstedt di atas, yang dengan perkataan *realism* telah meletakkan dengan jelas seluruh kewajaran kemodenan sastera Melayu serta pembahagian sejarahnya kepada klasik (istilah yang digunakan oleh sarjana Barat) dan moden. Dan sejarah dan kewajaran ini rata-rata diterima hingga ke hari ini tanpa pertikaian. Dalam konteks dewasa ini, makalah ini ingin mengenal pasti prasarana yang memungkinkan

pemartabatan tersebut, serta fahaman, iklim dan contoh sastera yang dipupuk, di samping melihat sejauh mana tepatnya pemartabatan tersebut serta implikasinya. Untuk tujuan tersebut, makalah ini memanfaatkan gagasan Persuratan Baru (seterusnya PB) cetusan Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi) sebagai kerangka analisis.

Gagasan Persuratan Baru sebagai Kerangka Analisis

Pembicaraan kerangka analisis ini tidak bersifat menyeluruh tetapi hanya tertumpu kepada beberapa perkara yang berkaitan dengan persoalan yang dibangkitkan sahaja.³ Seperti yang dimaklumi, Mohd. Affandi menggariskan tiga hakikat penting yang mendukung PB, iaitu hakikat insan, hakikat ilmu dan amal, serta hakikat dan fungsi sastera. Dapat dirumuskan bahawa PB tertegak atas konsep *taklif* atau ‘pembebanan hukum atas manusia’ (Syah Waliyullah 2005: 15), iaitu keterikatan dan pertanggungjawaban untuk mentaati segala suruhan Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya, yakni melakukan segala-galanya menurut ketetapan-Nya. Inilah hakikat keinsanan kita sebagai makhluk yang dicipta oleh Pencipta Yang Maha Agung dan Perkasa, yang kita sembah dan yang pada-Nya kita meminta pertolongan. Inilah sesungguhnya yang dikatakan *fitrah* manusia, iaitu keinginan semula jadi untuk mengenal serta mengabdikan diri kepada Yang Maha Agung, agar ia (manusia) dapat kembali kepada Allah SWT dalam keadaan suci seperti mana ia mula diciptakan. Justeru, penyimpangan dari *fitrah* ini adalah penyelewengan yang nyata. Mohd. Affandi (1992: 15) menyimpulkan hakikat keinsanan ini seperti berikut: “...tujuan daripada kejadian manusia itu, *sebenarnya*, hanyalah untuk menyembah dan beribadat kepada Allah...”.

Merujuk kepada hakikat ilmu dan amal pula, PB dengan jelas menggariskan bahawa sumber ilmu yang definitif ialah wahyu. Sumber ilmu yang lain seperti akal dan pengalaman, yang tidak diasaskan kepada wahyu, tidak mungkin dapat membawa manusia kepada mengenali Allah SWT dan juga memahami hakikat keinsanan manusia itu sendiri. Justeru, ilmu yang benar ialah al-Qur’an dan Hadith. Pentingnya dikenali ilmu yang benar ialah kerana apa jua yang dilakukan (termasuk menghasilkan tulisan kreatif mahupun kritikan) yang tidak disandarkan kepada ilmu yang benar akan hanya menghasilkan kerja yang sia-sia dan merugikan. Sebaliknya, apabila tindak tanduk dan perbuatan (termasuk kegiatan penulisan) yang diusahakan itu akur dan menghormati batas-batas yang ditetapkan oleh ilmu yang benar, usaha tersebut akan memakmurkan dan bukan merosakkan. Menurut PB, inilah juga yang dikenali sebagai amal salih.

Beralih kepada hakikat dan fungsi sastera, Mohd. Affandi menarik perhatian kepada Surah al-‘Alaq yang dengan jelas mengaitkan *qalam* (kalam) dengan ilmu. Justeru, adalah sedia termaklum bahawa penggunaan kalam itu membawa bersamanya pertanggungjawaban untuk menyampaikan ilmu, yakni ilmu yang benar, yang dapat membawa manusia mengenali Allah SWT supaya ia dapat beribadah kepada-Nya dengan betul, sempurna, tanpa keraguan dan penyelewengan. Justeru, tiada keraguan bahawa dalam konteks Islam, penulisan itu mempunyai tujuan yang jelas, iaitu untuk menyampaikan ilmu, dan adalah menjadi tugas penulis untuk menyempurnakan tujuan ini dengan penuh tanggungjawab. Sehubungan itu, Mohd. Affandi menegaskan tujuan tersebut bukannya propaganda tetapi ia bersifat didaktik, yang dalam konteks Islam membawa konotasi positif, sesuai dengan ketinggian kedudukan

ilmu dalam konteks Islam sehingga diberikan orang berilmu lebih tinggi darjatnya daripada orang alim.

Dalam menghuraikan PB, Mohd. Affandi sering merujuk kisah Nabi Sulaiman AS dengan Puteri Balqis. Menurut Mohd. Affandi (2010b), “Kisah ini terdapat dalam teks lama, dalam cerita nabi-nabi, tetapi kerana yang membacanya hanya melihat ceritanya, bukan hakikat atau maknanya yang mendalam, maka terlepaslah dari akal yang keliru satu prinsip seni yang sangat penting, yakni aspek ilusinya”. Sehubungan dengan prinsip seni ini, Mohd. Affandi secara khusus mengaitkan kisah ini dengan soal realiti, pemahaman realiti dan pengungkapan realiti secara praktis dalam tulisan kreatif. Seperti yang diketahui, Puteri Balqis menyangka lantai istana Nabi Sulaiman AS adalah air, lantas baginda mengangkat kainnya. Tetapi apabila ditegur oleh Nabi Sulaiman AS bahawa itu hanyalah lantai istana yang dilapisi kaca, sedarlah Puteri Balqis akan kesilapannya lalu baginda menerima agama yang dibawa oleh Nabi Sulaiman AS. Apabila Nabi Sulaiman AS menegur Balqis, teguran atau ‘wacana’ (kalau boleh disebutkan demikian) Nabi Sulaiman AS tersebut telah ‘membuka ruang’ untuk fahaman dan penghayatan realiti hakiki, iaitu wujudnya Tuhan yang Esa dan Maha Perkasa dan bukannya matahari yang menjadi sembah Puteri Balqis sebelum ‘wacana’ tersebut.

Kisah ini menyerlahkan beberapa perkara penting, terutama apabila dikaitkan dengan prinsip seni yang diperkatakan oleh Mohd. Affandi. Pertama, ia menyerlahkan dua bentuk realiti yang berbeza yang perlu difahami. Realiti pertama ialah realiti yang dialami oleh pancaindera, seperti yang dicontohkan oleh keindahan lantai yang ditanggapi, khususnya oleh pancaindera penglihatan Puteri Balqis. Ternyata realiti ini adalah satu ilusi semata, iaitu realiti yang semu, yang ‘tidak’ membawa kepada pemahaman yang benar sama sekali. Tambahan lagi, realiti ini berlegar pada tahap yang rendah, yakni hanya di tahap dimensi pengalaman indera atau realiti fizikal. Realiti kedua ialah realiti yang dibawa oleh Nabi Sulaiman AS, yang berteraskan keyakinan kepada yang Esa, yang merupakan realiti hakiki, yang wajib diimani dalam konteks Islam. Realiti hakiki ini melewati dimensi dan pengalaman pancaindera. Bagi mengenali realiti hakiki ini, yang jauh lebih tinggi darjatnya, pancaindera yang lima bukan saja tidak memadai tetapi tidak berkemampuan untuk memahami dan menghayatinya. Malah, seperti yang dilihat, realiti fizikal ini memudaratkan ia mempesonakan (sebagaimana ia mempesonakan Puteri Balqis), sehingga fahaman yang mendorong kepada realiti hakiki itu dipesongkan, dikaburi dan dikelirukan, yakni dengan cara menunjukkan realiti fizikal sebagai cantik, menawan, menarik, menyeronokkan, memukau dan mempesonakan. Justeru, untuk mengenali realiti hakiki, keyakinan dan iman adalah diperlukan. Dalam konteks Islam, realiti hakiki inilah yang diimani dan diyakini.

Sekiranya dimanfaatkan kisah ini untuk urusan tulisan kreatif, seperti yang dilakukan oleh Mohd. Affandi dan disarankan oleh beliau agar digunakan oleh penulis dan pengkritik, maka kisah yang berlegar pada tahap pengalaman indera akan menyempitkan penerokaan dan pemahaman kepada realiti fizikal, yang semu sifatnya, yang mengelirukan, yang tidak memberi wawasan kepada kebenaran yang hakiki. Dengan kata lain, dalam konteks karya kreatif, pemerian pengalaman fizikal terbatas kepada realiti yang semu sifatnya. Bagi mengangkat karya kreatif ke tahap mengungkapkan realiti hakiki, PB menyediakan satu wadah yang memungkinkan pengungkapan kebenaran yang tiada ragunya. Wadah tersebut ialah wacana. Melalui wacana, yang didasarkan kepada ilmu yang benar, karya kreatif dapat mengungkapkan realiti atau kebenaran hakiki.

Perbezaan antara dua realiti ini sangat penting difahami, demi membuat pilihan yang tepat dan akur dengan tuntutan Islam, sebagai pilihan untuk urusan penulisan kreatif (dan juga kritikan, yakni membuat penilaian yang tepat tentang apa yang wajar diberi sanjungan dan apa pula yang wajar ditolak). Menumpukan perhatian dan seluruh tenaga penulisan kepada realiti yang dialami indera atau realiti fizikal bererti pertama, menyempitkan cakupan dan fahaman realiti itu sendiri; kedua, memberi tumpuan kepada realiti yang sesungguhnya bukan yang terpenting dan semu pula sifatnya; dan ketiga, dan jauh lebih penting lagi, meninggalkan realiti yang jauh lebih bererti dan bernilai, yang sewajarnya menjadi tumpuan dan urusan pengungkapan, iaitu penyerlahan realiti hakiki, yang membawa kepada fahaman yang benar dan mutlak.

Berlatarbelakangkan fahaman tentang realiti yang diperjelas dan menjadi pegangan PB, tumpuan penulisan karya kreatif dan kritikan boleh ditentukan. Dengan meneliti perihal bagaimana alat-alat penceritaan seperti watak, latar, peristiwa, bahasa dan sebagainya itu dimanfaatkan, dengan mudah dapat ditentukan di medan mana sesebuah karya kreatif itu berlegar - sama ada cerita yang dikisahkan itu berlegar dan 'terhenti' di tahap pengalaman fizikal semata, atau cerita itu melewati pengalaman indera tersebut untuk mengungkapkan kebenaran yang hakiki, seperti yang ditentukan oleh tauhid.

Tidak dinafikan bahawa tumpuan lakaran kepada pengalaman fizikal juga adalah lakaran realiti, tetapi seperti yang dilihat di atas, ia adalah tumpuan kepada realiti yang semu, yang tidak terangkat ke tahap mengungkapkan realiti hakiki. Tetapi sekiranya alat-alat penceritaan seperti watak, latar, episod dan sebagainya itu dimanfaatkan secara kreatif dan berseni untuk menyediakan 'laluhan' untuk wacana mengungkapkan realiti yang lebih hakiki, yakni yang berdasarkan ilmu yang benar, maka karya tersebut dengan mudah dapat dikenal pasti sebagai karya yang melewati realiti semu yang dialami indera. Ini sekali gus bererti karya tersebut telah memanfaatkan cerita dan alat-alat penceritaan untuk tugas yang lebih tinggi lagi, iaitu mengungkapkan wacana demi memperkatakan realiti hakiki. Justeru, satu cara untuk memahami apakah bentuk realiti yang disenangi oleh para penulis, dan menjadi pilihan mereka dalam menghasilkan karya kreatif, adalah dengan mengenal pasti medan yang menjadi tempat berlegarnya cerita, dan matlamat pemanfaatan alat-alat penceritaan, iaitu sama ada untuk membikin-cerita, atau secara kreatif cerita dilakar guna membuat laluhan-laluhan untuk memenuhi ruang naratif dengan wacana yang berteraskan ilmu yang benar.

Dalam konteks inilah PB mengajukan perbezaan antara ilmu dan cerita. Seperti yang dijelaskan di tempat lain, sama ada oleh pencetus PB sendiri mahupun oleh pengamal PB,⁴ perbezaan antara ilmu dan cerita ini adalah antara idea terpenting PB. Dalam konteks dunia sastera Melayu yang rata-rata melihat keduanya sebagai sinonim, idea membezakan ilmu dan cerita ini merupakan anjakan: ia bukan saja menggariskan fungsi yang berbeza bagi cerita berbanding ilmu, tetapi ia juga membolehkan pengkategorian yang tepat bagi karya yang dihasilkan, yakni sama ada ia berteraskan membikin-cerita, lantas menjadikannya 'karya sastera', atau berteraskan mewacanakan-idea/bahasan/hujahan/ilmu, lantas menjadikannya 'karya persuratan'. Antara kedua bentuk tulisan ini, jelas karya persuratan yang berteraskan menghujah-ilmu jauh lebih tinggi darjatnya daripada karya sastera yang berteraskan membikin-cerita. Memandangkan perlunya peranan wacana dalam pengungkapan ilmu, idea atau hujah, lantas PB mendefinisikan wacana seperti berikut:

Wacana adalah pemikiran berasaskan maklumat yang disaring daripada sejumlah maklumat yang telah dimatangkan oleh pemikiran berasaskan konsep ilmu tertentu... wacana adalah hujah-hujah ilmiah yang digunakan untuk menjelaskan sesuatu persoalan sehingga dapat dirumuskan ke dalam kesimpulan tertentu (Mohd. Affandi 2004: 54).

Jelas wacana tidak sama dengan maklumat. Wacana melampaui maklumat - ia terhasil daripada pencernaan dan renungan maklumat-maklumat untuk kemudian diajukan sebagai sebuah idea yang tersendiri.

Berbeza dengan ilmu, cerita adalah 'wadah' untuk mengungkapkan ilmu.⁵ Dengan kata lain, tugas cerita bukanlah memperagakan dirinya sendiri, iaitu cerita yang menjadi tumpuan perhatian dan yang diikuti,⁶ tetapi menjadi penyedia ruang atau laluan bagi wacana.⁷ Selain daripada itu, PB juga mengajukan satu kategori lain, iaitu karya picisan. Adalah penting difahami bahawa 'picisan' dalam konteks PB tidak terhad kepada soal seks semata, seperti yang sering difahami. Bagi PB, 'picisan' bukan saja terhad kepada 'subjek' yang dijadikan tumpuan tetapi juga cara atau 'bagaimana' sesebuah subjek atau persoalan itu (tidak semestinya persoalan seks sahaja) ditangani. Untuk itu, definisinya ialah seperti berikut:

...gagasan Persuratan Baru mengemukakan tiga kategori karya untuk memudahkan penilaian dan memberi kedudukan yang wajar serta adil kepada sesebuah hasil kreatif. Pertama, kategori 'karya persuratan', yang ditulis dalam acuan gagasan Persuratan Baru berdasarkan konsep ilmu yang benar dan bertunjangkan taklif. Kedua, kategori 'karya sastera', yang ditulis dalam acuan sastera yang memberi kebebasan mutlak kepada sasterawan untuk melakukan apa yang disenanginya berasaskan hawa nafsunya. Ketiga, kategori 'karya picisan/erotik/popular', yang ditulis dalam acuan sastera, tetapi memberi penekanan kepada unsur keberahian antara lelaki dan perempuan dengan menggunakan unsur cerita sepenuhnya (Mohd. Affandi, Ungku Maimunah & Mohd. Zariat 2008: 65).

Seterusnya, merujuk kategori ketiga yakni 'picisan/erotik/lucah/popular', Mohd. Affandi memperincikan 'picisan' seperti berikut:

Istilah picisan di sini tidak terbatas secara sempit kepada kelucahan semat-mata, tetapi harus difahami secara menyeluruh, meliputi idea, tema, bahasa, gaya, watak dan perwatakan, lambang, dialog, paksi naratif, kriteria penilaian, dan lain-lain aspek yang berhubungan dengan penciptaan karya kreatif. Semua aspek ini menjadi picisan apabila diolah secara mudah, cetek, dangkal, menyeleweng daripada nilai-nilai tamadun manusia yang beradab, yakni melihat semua perkara daripada hawa nafsu manusia yang ingin bebas lepas daripada tanggungjawab taklif. Sebuah karya akan menjadi karya picisan apabila karya tersebut menjadikan 'kejahatan' sebagai nilai utama dalam penciptaan karya tadi, misalnya apabila perzinaan diperindahkan begitu rupa untuk kononnya menyerlahkan tragedi manusia tertindas, teraniaya, tertipu dan sebagainya, dengan memaparkan dengan terang perlakuan perzinaan tadi sehingga

menjadi lambang tertentu dalam karya tersebut (Mohd. Affandi, Ungku Maimunah & Mohd. Zariat 2008: 62).⁸

Perbincangan di atas melakarkan beberapa perkara penting tentang teras keyakinan atau falsafah PB, dan juga praktisnya. Hatta sekilas pandang sekali pun, jelas fahaman PB terhadap realiti serta pengungkapannya secara konkrit dalam bentuk kreatif adalah berbeza daripada yang lazim difahami oleh Barat. Memandangkan betapa Barat memainkan peranan penting dalam sejarah dan ilmu sastera kita, seperti yang terserlah apabila kita menerima penabalan Abdullah Munsyi menurut kriteria dan fahaman Barat, adalah wajar dilihat fahaman Barat tentang realisme, realiti, *real* serta tata cara pengungkapan yang menjadi pilihannya dalam karya kreatif.⁹

Fahaman Realisme Barat

Di kesempatan lain, telah dibincangkan realisme Barat dengan agak terperinci.¹⁰ Di sini, perbincangan hanya ditumpukan kepada beberapa perkara yang berkaitan dengan keperluan makalah ini, khususnya tentang fahaman realiti, bentuk novel sebagai gandingan pilihan, tumpuan garapan, dan kaedah manifestasinya dalam karya kreatif.

Merujuk kepada fahaman realiti terlebih dahulu, dan seperti yang diketahui umum, realisme muncul di Perancis sebagai gerakan intelektual dan seni pada pertengahan abad ke-19M, iaitu konteks zaman yang melihat kemaraan sains yang pesat. Seperti yang diamati oleh Grant (1970), seorang pengkritik Inggeris, realisme pada awalnya pernah 'berkhidmat' untuk idealisme dengan cara memperakukan keyakinan idealisme, tetapi dalam perkembangan seterusnya realisme bangkit sebagai sebuah fahaman yang bertentangan dengan idealisme:

Realism is a critical term only by adoption from philosophy... because 'realism' has been distracted by the service of different philosophical masters...it originally served idealism, and was used to describe the scholastic doctrine that universals (justice, goodness, etc.) have a real existence, independent of the particular objects in which they are found. This was maintained in opposition to conceptualism (which held that universals existed only in the mind) and nominalism (which denied the existence of universals altogether: they were simply names)... It was in the eighteenth century... that realism assumed in philosophy the sharply different sense which was to have such a fatal - or at least confusing - attraction for writers, critics, and theorists in literature. Here it proclaimed that the objects of perception are objects, and have a real existence outside the perceiving mind; which idea was developed in opposition to all forms of idealism (Grant 1970: 3-4).

Diambil dari falsafah, 'realisme' hadir sebagai istilah kritikan... realisme telah dipesongkan kerana berkhidmat kepada pelbagai falsafah yang berbeza... pada mulanya ia berkhidmat kepada 'idealisme' dan digunakan untuk menjelaskan doktrin keilmuan bahawa apa yang diperikan sebagai kesejagatan seperti keadilan dan kebaikan itu sebenarnya mempunyai kewujudan, bebas daripada objek yang menakungnya. Ini dipertahankan sebagai pertentangan kepada 'konseptualisme'

(yang menekankan perkara kesejagatan hanya wujud dalam minda sahaja) dan 'nominalisme' (yang secara mutlak menolak kewujudan kesejagatan, yang baginya tidak lebih daripada nama sahaja)... Hanya pada kurun ke-18M realisme dari sudut falsafah, mendapat makna yang jelas berbeza berserta daya tarikan yang berbahaya - atau sekurang-kurangnya mengelirukan - bagi penulis, pengkritik dan ahli teori sastera. Di sini, ia mengisytiharkan bahawa objek yang dipersepsi itu adalah objek, yang mempunyai kewujudan di luar minda yang mempersepsinya, iaitu idea yang dikembangkan bertentangan dengan segala bentuk idealisme (penekanan ditambah).

Kutipan di atas jelas meletakkan realisme bertentangan dengan idealisme, dan aspek pertentangan ini perlu difahami kerana ia ada kaitan dengan soal yang sangat penting, iaitu soal kebenaran dan realiti, autoriti kebenaran dan realiti tersebut, dan di mana letaknya autoriti berkenaan. Di satu pihak, idealisme boleh dikatakan sebagai satu sistem fahaman Barat atau falsafah Barat yang memprioritikan alam intelektual, idea dan bukan-benda, yang abstrak sifatnya. Ia menegaskan bahawa realiti dan pengalaman hanya boleh difahami bukan melalui domain yang bersifat fizikal, materi atau benda kerana sumber realiti tidak terletak di situ. Sebaliknya, sumber realiti yang sebenar terletak hanya pada alam idea dan alam metafizikal yang bersifat bukan-benda. Tegasnya, idealisme lebih terfokus kepada intuisi intelektual atau ilmu metafizikal terhadap perkara yang bersifat kesejagatan dan transenden. Dengan itu, idealisme secara jelas menolak kesahihan persepsi yang terhasil daripada rangsangan deria, yang mencirikan realisme. Realisme pula, seperti diketahui umum, muncul dalam konteks zaman yang melihat kemaraan sains yang cukup pesat, khususnya sains empiris seperti botani, anatomi dan geologi. Sains menekankan objektiviti yang disandarkan kepada pancaindera yang lima sebagai penentu-sah atau alat verifikasi segala perkara. Sejajar dengan itu, data yang dianggap sah dan diterima pakai hanyalah yang ditentu-sahkan oleh pancaindera tersebut. Dengan pegangan seperti ini, realiti dan kebenaran serta autoritinya itu, yang dulu disandarkan kepada keyakinan dan kebenaran metafizikal atau transenden, kini dicabar oleh realiti dan kebenaran yang autoritinya disandarkan kepada pancaindera serta verifikasinya. Tegasnya, realiti dan kebenaran serta ilmu tentangnya ialah ilmu yang bersifat sekular, yang tidak menerima apa jua yang bersifat spiritual dan bukan-fizikal. Ini dengan sendirinya mengaitkan realisme dengan materialisme. Dengan kata mudah, fahaman seperti ini jelas menolak kewujudan aspek transenden dan spiritual kerana aspek tersebut tidak dapat ditentu-sahkan oleh pancaindera. Ini bererti realiti secara automatik hanya berlegar pada domain fizikal atau lahiriah yang dapat dialami oleh indera. Justeru, boleh disimpulkan realisme Barat tidak meyakini alam spiritual dan kewujudan Ilahi, sementara fahaman *truth* (realiti dan kebenaran) terhad kepada realiti fizikal dan kebenaran fizikal sahaja. Fahaman realisme ini dengan sendirinya menolak keyakinan terhadap realiti hakiki seperti yang diperkatakan oleh PB dan menjadi tumpuannya.

Merujuk kepada bentuk novel pula, realisme yang berteraskan fahaman seperti di atas itu memilih prosa berbanding puisi, dan secara khusus novel, sebagai bentuk yang paling sesuai baginya. Ini kerana novel dapat menampung dan juga berlaku adil kepada hasrat realisme itu sendiri dan juga hasrat zamannya yang orientasi intelektualnya jelas menjurus kepada penolakan aspek transenden serta pengungkapan perihal kesejagatan. Mungkin kerana itulah novel, bentuk pilihan realisme itu, diperikan oleh pengkritik Marxis, George Lukacs sebagai

the epic of a world forsaken by God (epik dunia yang telah diabaikan oleh Tuhan), yang menuntut daripada penulis dan juga pembacanya kesediaan untuk mengesampingkan kepercayaan wujudnya *a divinity which shapes our ends* (tuhan yang mencorakkan [penghujung] hidup kita) (dalam Hemmings 1974: 10). Kesesuaian gandingan ini (iaitu realisme dan novel) terpahat erat apabila realisme diajukan sebagai ciri yang membezakan *distinguishing feature* (novel) daripada bentuk sebelumnya. Dengan itu juga, dan sesuai dengan namanya 'novel' yang bermaksud 'baru', novel juga dikatakan satu bentuk yang baru. Bentuk baru ini didefinisikan oleh Forster (1968), yang bukunya, *Aspects of the Novel* menjadi rujukan utama pengkritik kita, khususnya pada dekad 1970-an dan 1980-an, seperti berikut: "*the basis of a novel is a story, and a story is a narrative of events arranged in time sequence*" (asas novel ialah cerita, dan cerita ialah pengisahan peristiwa yang diatur dalam kerangka urutan masa) (Forster 1968: 37-38). Kepentingan cerita sebagai asas novel ditegaskan oleh Forster: "*the novel tells a story. That is the fundamental aspect without which it could not exist*" (novel mengisahkan cerita. Itulah aspek yang paling asas sekali, yang tanpanya sebuah novel tidak boleh wujud) (Forster 1968: 34).

Seterusnya, sebagai tumpuan garapan pilihannya, gandingan realisme-novel ini menumpukan perhatiannya kepada apa yang sering dirumuskan sebagai *the objective representation of contemporary social reality* (gambaran objektif realiti sosial kontemporari) (Wellek 1978: 240-241), yang di satu pihak menolak antara lain apa jua yang berbentuk transenden, yang bersifat alegori, simbolik dan fantastik, sementara di satu pihak lain pula memasukkan yang jijik, buruk, hina dan juga subjek tabu seperti seks dan kemusnahan (Wellek 1978: 241). Pilihan untuk menggarap kebobrokan dan kejahatan seperti ini mendapat kritikan pedas, umpamanya daripada ahli falsafah dan sosiologis Jerman, T.W. Adorno, yang mengatakan gambaran sedemikian sesungguhnya berupaya memberi keseronokan, hatta sedikit sekali pun. Namun kritikan seperti ini disanggah kerana dikatakan tradisi tulisan realis sudah lama berpegang kepada pendirian bahawa paparan kejahatan dan keburukan itu boleh mendorong kepada perubahan dan pembaharuan.¹¹ Morris menyimpulkannya seperti berikut:

...central to the long political tradition of realist writing - that powerful depiction of suffering and injustice can act as a vehicle for social reform and change. It was the force of this belief, that graphic accounts of injustice could shock the public conscience into more progressive attitudes and behaviour, that provided the motive for passionate protest fictions... (Morris 2003: 21).

...idea pokok tradisi panjang penulisan realis ialah - bahawa lakaran bertenaga tentang penderitaan dan ketidakadilan boleh berfungsi sebagai wadah untuk pertukaran dan perubahan sosial. Kekuatan keyakinan inilah - bahawa gambaran yang grafik tentang ketidakadilan boleh mengejutkan keprihatinan awam untuk berubah kepada sikap dan tindak-tanduk yang lebih progresif - yang menjadi dorongan terhasilnya fiksyen protes yang bersemangat.

Hatta tersirat dengan pendirian yang dikatakan positif seperti ini, soal pegangan penulis di satu pihak dan amalan mereka di pihak yang lain, serta perbezaan antara keduanya itu, merupakan antara perkara yang sering dibangkitkan oleh pengkritik realisme. Di samping itu

juga, Morris umpamanya, mengakui bahawa rakaman kebobrokan yang persis itu kadangkala tidak mencapai matlamatnya. Malah sebaliknya pula yang berlaku seperti halnya dengan lakaran babak perjudian oleh George Eliot, seorang penulis Inggeris, yang begitu realistik dan hidup sehingga perjudian muncul sebagai sesuatu yang lumrah, yang tidak mengundang pembaca atau masyarakat untuk mempersoalkannya.¹² Terlepas daripada soalan tersebut, Morris merumuskan tumpuan garapan realisme seperti berikut:

Yet undeniably realism as a literary form has been associated with an insistence that art cannot turn away from the more sordid and harsh aspects of human existence. The stuff of realism is not selected for its dignity and nobility (Morris 2003: 3).

Namun tidak dapat dinafikan realisme sebagai satu bentuk sastera telah dikaitkan dengan penegasan bahawa seni tidak dapat berpaling daripada aspek kewujudan manusia yang bobrok dan getir. Bahan realisme dipilih bukan kerana digniti dan kemuliaannya.

Sebagai tumpuan garapan utama, kebobrokan dan kebejatan mempengaruhi bukan sahaja persoalan yang ditangani tetapi telah membuka ruang untuk manipulasi aspek naratif lain untuk menyempurnakan gambaran kebobrokan tersebut. Ini termasuk pilihan watak dan bahasa yang dianggap sesuai untuk menghidupkan lakaran kebejatan, kehinaan dan kejiikan yang menjadi garapan utama dan dominan itu.

Beralih kepada kaedah manifestasinya pula, konteks kemunculan realisme, iaitu kemaraan sains jelas mempengaruhi kaedah yang menjadi pilihan. Seperti yang diketahui umum, sains menekankan kepentingan objektiviti, yang pelaksanaannya menuntut antara lain pengamatan yang teliti yang kemudian didokumentasikan secara betul dan rapi, iaitu tatacara yang sering dirujuk sebagai *stock-taking* (pengiraan stok). Pendokumentasian yang teliti dan jelas ala inventori ini menjadikan perincian satu kemestian kerana perincian dilihat sebagai mekanisme yang dapat memastikan ketepatan. Tuntutan ini tidak dianggap janggal terutama apabila kaedah fotografi Daguerre-Niepce, yang diperkenalkan pada 1839M, menjadikan ketepatan rakaman atau reproduksi sesuatu yang mampu dilakukan (Furst 1992: 2). Justeru, apabila kaedah ini dimanfaatkan untuk kegunaan sastera, perincian menjadi satu teknik yang disenangi kerana dianggap sangat berkesan untuk menjadikan apa yang dirakam atau dilakar itu realistik, tepat dan seperti benar. Dalam konteks tepat dan seperti benarnya lakaran dalam karya kreatif inilah Guy de Maupassant, penulis kreatif Perancis yang terkemuka kurun ke-19M, menyarankan agar penulis realis menggelar diri mereka sebagai *Illusionists* (Maupassant 1992: 47), kerana apa yang dirakamkan oleh realisme ialah ilusi kehidupan, "... it is 'the illusion of life' that is captured by realism (Furst 1992: 4)". Rujukan kepada *illusion* dan *illusionists* menarik perhatian kepada prinsip seni yang diperkatakan oleh Mohd. Affandi, iaitu aspek ilusinya, yakni ilusi yang dihasilkan oleh realiti semu yang rata-rata berlegar pada realiti fizikal dan lahiriah.

Penjelasan ringkas di atas menyerlahkan fahaman realisme, realiti, idea yang berkaitan dengannya dan kaedah manifestasinya dalam karya kreatif menurut kaca mata Barat. Ternyata ia bertentangan dengan fahaman Islam seperti yang termaklum dalam keyakinan taklif PB serta kaedah penerapan keyakinan tersebut dalam bentuk kreatif secara konkrit. Berhadapan

dengan dua fahaman yang jelas berbeza ini, fahaman yang manakah yang disenangi oleh penulis kreatif dan pengkritik kita dan menjadi pilihan mereka? Dan, apakah implikasi pilihan yang dibuat itu, khususnya terhadap kedudukan realisme sebagai ideologi estetik, idea-idea yang dikaitkan dengannya, dan tulisan yang dihasilkan sama ada tulisan kreatif mahupun kritikan? Bagi menjawab soalan ini, penelitian seterusnya melihat peranan Laporan Panel Anugerah Sastera Negara dalam menempatkan realisme dalam kesusasteraan Melayu, iklim sastera yang terbentuk serta kaitannya dengan realisme, dan contoh karya kreatif yang dicorakkan oleh realisme.

Peranan Laporan Panel Anugerah Sastera Negara

Perbincangan tentang kedudukan realisme dan realiti dalam sastera Melayu tidak dapat tiada perlu dimulakan dengan tinjauan terhadap Anugerah Sastera Negara. Sebagai anugerah yang paling berprestij di negara, ia hadir sebagai pusat autoriti tentang sastera, sementara laporan yang dikeluarkannya merupakan bentuk saringan yang paling ketat, kritis, dan objektif, di samping mutu penilaiannya yang tidak dapat dipertikaikan lagi. Justeru, adalah penting *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara* (seterusnya *Laporan*) ini diteliti untuk melihat peranan yang dimainkan oleh pusat autoriti ini serta apparatus saringannya itu, terutama dari segi autoriti dan idea yang dijana dan dilestarikan.

Di kesempatan lain, Ungku Maimunah (2009: 32-62) telah membincangkan *Laporan* ini dengan agak terperinci. Justeru, penulisan ini hanya memperkatakan beberapa perkara penting berkaitan dengan teras makalah ini, iaitu peranan yang dimainkan oleh *Laporan* dalam pemartabatan realisme dan realiti. Penelitian *Laporan* menunjukkan dua perkara penting berkaitan realisme. Pertama, realisme dimanfaatkan dari *Laporan* pertama 1981 hinggalah ke *Laporan* 2009 yang memperakukan Anwar Ridhwan selaku Sasterawan Negara ke-10, iaitu *Laporan* terakhir yang menobatkan penulis prosa. Realisme yang dirujuk itu hadir sama ada sebagai satu konsep tulisan yang sedia dimaklumi dan tidak perlu dijelaskan, dan dengan itu sekali gus menunjukkan betapa intimnya realisme dalam dunia sastera Melayu, atau ia dimanfaatkan dalam bentuk idea yang dikaitkan dengannya atau kaedah manifestasinya. Kedua, dalam mememanfaatkannya untuk urusan penilaian, ia (realisme, idea dan kaedah penerapan yang dikaitkan dengannya) secara konsisten digunakan dalam konteks positif, malah dapat dikatakan tiada sanggahan atau pertikaian secara jelas dan signifikan terhadap penggunaannya dalam karya kreatif yang dinilai. Contoh pemanfaatannya sepanjang 30 tahun kewujudan Anugerah Sastera Negara itu sangat banyak, tetapi diturunkan beberapa saja di bawah ini:

Laporan 1981 (Keris Mas):

Keris Mas ialah penggambar yang halus (hlm. 20).¹³

Maka itu kita lihat Keris Mas tidak melahirkan wira-wira yang dapat mengubah keadaan atau zaman. Watak-watak dari karyanya yang bercorak realistik adalah manusia kerdil yang terpaksa tunduk kepada hukum-hukum alam; manusia yang

tidak berdaya menentang kuasa-kuasa politik, ekonomi dan budaya... mereka adalah anti-wira (hlm. 11).

...sikap dan dilema kebanyakan watak ini menjadi ciptaan Keris Mas yang istimewa (hlm. 18).

Laporan 1982 (Shahnon Ahmad):

Dalam cerpen “Perempuan” dan “Selesai Sudah”, misalnya, gayanya klasik. Lukisan ceritanya menjadi mesra oleh ketelitiannya. Watak-wataknya terikat oleh jalinan peristiwa dan masalah, diceritakan secara sederhana, tetapi realistik. Rentak dan semangat klasik ini... (hlm. 19).

...Shahnon secara yakin mengambil dialek Kedah untuk mendekati realiti kehidupan yang dirakamnya... Terkadang-kadang dialek diambilnya mentah-mentah... Oleh kemasukan dialek yang mentah-mentah itu, ada ayat-ayatnya yang terasa kejang - tetapi itulah pula cara Shahnon menyisipkan kebaruan, kesegaran dan kemodenan (hlm. 17).

Sejak mula Shahnon Ahmad memang seorang pengarang yang tidak jemu bereksperimen (hlm. 16).

Bahasa dan teknik penulisannya disegarkan melalui beberapa eksperimen (hlm. 16).

Laporan 1985 (A. Samad Said):

“culture of poverty” [budaya kemiskinan] ...Keadaan serba kekurangan ini digambarkan oleh A Samad Said dengan terperinci sekali, di samping kesangsaraan (sic) yang timbul daripada suasana perang, ...kesangsaraan (sic) ...yang menjijikkan, adalah selaras dengan aliran realisme dan naturalisme dalam sastera (hlm. 15).

Rata-rata A. Samad Said memberikan penyorotan khas kepada masyarakat bawahan yang terlantar, masyarakat kekotaan pinggiran yang sebetulnya - drebar, buruh, pelacur dan peneropongannya dibuat tanpa romantik atau drama. Di sinilah letaknya keistimewaan A. Samad Said... lebih-lebih lagi keupayaan deskriptif yang terperinci, sarat dan tidak apologis (hlm. 20).

Seperti *Salina* juga, *Sungai Mengalir Lesu* tidak mempunyai tema yang tertentu... (hlm. 15).

Tidak dapat disangkal bahawa novel *Langit Petang* tidak membawa satu tema yang pokok, malahan tidak juga mengemukakan satu perutusan yang sengaja... (hlm. 16).

Oleh A. Samad Said individualiti itu dibiarkan menerawang tanpa sebarang penyelesaian... (hlm. 17).

Laporan 1987 (Arena Wati):

Sejak tahap awal lagi Arena Wati telah menunjukkan keistimewaannya sebagai pemerian... (hlm. 16).

Karya-karyanya tidak terpisah dari realisme biasa, khususnya realisme permukaan. Aspek-aspek realisme dalaman yang cuba menyelami pemikiran yang lebih dalam sifatnya agak kurang (hlm. 25).

Meskipun pemerian Arena Wati lebih banyak melingkari hanya aspek-aspek realisme luaran tetapi ada kalanya usaha itu cuba mencernakan realisme dalaman secara yang cukup peka sehingga membawakan kesan daripada kisah yang penuh merangsangkan dan menghairahkan (sic) (hlm. 22).

Benua-benua besar ini... dipersembahkan kepada kita, pada mulanya dengan pemerian umum, tetapi di akhirnya dengan perincian yang cukup meyakinkan (hl., 15).

Laporan 1996 (Abdullah Hussain):

...cerita [*Rantau Selamat*] lebih bergantung pada aksi fizikal jika dibandingkan dengan aksi mental, sesuai dengan skema cerita yang menjejerkan peristiwa demi peristiwa... (hlm. 18).

Plot novel [*Interlok*] ini berorientasikan peristiwa dan plot yang sedemikian dapat menggerakkan cerita dari satu kisah ke satu kisah... Ini diperkuatkan lagi dengan perincian dari segi persekitaran fizikal yang menjadikan cerita ini grafik, hidup dan juga panjang (hlm. 20).

Dia membataskan dirinya sebaik mungkin melaporkan segala apa yang dirasa, dilihat, atau didengarnya dengan setia dan jujur. Penilaian dan pandangan terhadap segala laporannya itu diserahkan sepenuhnya kepada pembaca (hlm. 28).

Laporan 2003 (S Othman Kelantan):

Novel *Orang Kota Bharu* mengandungi 17 bab, setebal 541 halaman. Novel ini berupa sebuah karya sastera kerana sarat dengan cerita, peristiwa dan watak-watak... Novel ini menonjolkan subbudaya, kehidupan dan warga Kota Bharu yang ditampilkan dan digambarkan secara terperinci oleh penulisnya (hlm. 39).

Laporan 2009 (Anwar Ridhwan):

Plot novel pertama, *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* dan novel kedua, *Arus* berjalan di atas landasan realisme dan disusun mengikut kronologi seperti lazimnya (hlm. 34-35).

...ada juga pemerian yang sangat realistik dan penuh perincian (hlm. 33).

Jaringan Realisme dalam Cerpen Awal. Cerpen-cerpen awal ini padat dengan unsur realistik... Unsur-unsur realistik dapat dikesan apabila beliau cuba melukiskan kehidupan sebenar... (hlm. 8-9).

“Dunia Adalah Sebuah Apartmen” mengemukakan apartmen sebagai satu simbol kehidupan manusia. Apartmen adalah dunia yang sempit, panas, seragam bentuknya dan kuat pengaruh Baratnya. Kehidupan yang cuba digambarkan ialah kehidupan yang dipengaruhi oleh cara dan nilai Barat seperti seks bebas dan ketagihan arak. Kehidupan watak-wataknya berkisar pada keseronokan semata-mata (hlm. 10).

Contoh-contoh di atas memperlihatkan betapa fahaman realisme dengan bentuk idea dan manifestasinya yang pelbagai itu jelas hadir dan dimanfaatkan untuk urusan penilaian anugerah yang tertinggi di negara kita. Lebih penting untuk pengamatan kita ialah ia ternyata adalah fahaman realisme ala Barat berbanding fahaman yang berteraskan taklif. Adalah penting, implikasi kehadiran dan pemanfaatan realisme ini difahami dengan baik. Ternyata, kehadiran dan pemanfaatannya dalam *Laporan* demi *Laporan*, secara berterusan, sepanjang tiga dekad, dengan setiap *Laporan* membenar dan memperkukuh idea-idea pokok realisme itu, memungkinkan fahaman realisme tersebut untuk menjana autoritinya sendiri, yang autoriti tersebut pula diperpanjang dan diteruskan hingga ke hari ini (*a self-perpetuating authority*). Dengan kata lain, melalui *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara*, satu proses pengabsahan fahaman realisme ala Barat telah berlaku, yang semakin mantap autoritinya dengan tambahan setiap *Laporan* apabila idea-idea asas realisme tersebut terus menerus ditubi secara positif tanpa mengadakan perubahan yang signifikan, jauh sekali mempertikaikannya. Dengan itu, terbentuklah satu ‘ilmu’ atau ‘model’ penulisan (kreatif dan kritikan) yang menjana dan mensabitkan autoritinya sendiri. Hakikat ia terhasil daripada neraca penilaian dan kehakiman tertinggi negara, dengan sendirinya memudahkannya untuk memperagakan autoritinya itu dan sekali gus memastikan autoriti tersebut berperanan dalam kehidupan dan kegiatan sastera tanah air.

Perlu ditekankan bahawa fahaman realisme serta ‘ilmu’ atau ‘model’ yang dijananya itu ialah yang terfokus kepada realiti fizikal sebagai realiti yang sah, yang hampir tidak langsung melewati realiti lahiriah tersebut. Ini, seperti dilihat sebelum ini, bertepatan dengan fahaman Barat tetapi jelas bertentangan dengan fahaman PB yang melihat realiti tersebut sebagai satu ilusi bersifat semu, yang tidak menawarkan realiti hakiki yang sewajarnya menjadi tumpuan dan urusan utama kegiatan penulisan, sama ada kreatif mahupun kritikan. Tambahan lagi, realiti fizikal ini pula rata-rata menjurus kepada kebobrokan dan kebejatan, yang diungkapkan melalui pelbagai strategi naratif termasuk penggunaan perincian, watak kerdil, ketiadaan penyelesaian, teknik eksperimen, jejeran peristiwa, pemerian dan sebagainya. Inilah ‘ilmu’ yang mempunyai dinamisme dan autoriti, dan secara aktif berperanan untuk terus mencorakkan sastera Melayu.

Seterusnya, sepanjang kehadirannya dalam *Laporan* realisme jelas terungkap dalam konteks positif seperti terserlah pada perkataan ‘klasik’, ‘istimewa’, ‘baru’, ‘hidup’, ‘bertenaga’ dan sebagainya, yang dijadikan padanan bagi realisme dan pemanfaatannya. Ini sangat signifikan kerana ia menarik perhatian kepada satu *construct* (bikinan), atau satu

proses untuk memastikan realisme Barat ditanggapi, diterima dan dimanfaatkan secara positif. Bikinan ini dirumuskan secara mudah ke dalam satu rangkaian idea yang mujarab bahawa realisme Barat itu ‘moden atau maju’, ‘berani’ dan ‘jujur’. Tiga perkataan ini amat menarik terutama bagi konteks sebuah negara atau sastera yang pernah dijajah dan didukung rata-rata oleh penulis beragama Islam, seperti halnya dengan Malaya atau Malaysia. Rujukan kepada ‘moden’ dan ‘maju’ dengan konotasi positifnya itu sangat menarik terutama dalam konteks sastera Melayu sekarang yang begitu ghairah untuk menjajarkan sasteranya dengan sastera dunia, yakni sastera Barat yang dianggap terkedepan itu.

Walaupun fahaman realisme ala Barat seperti yang dilihat di atas itu sudah dipandang sepi oleh Barat sendiri, namun dalam konteks sastera Melayu idea ‘moden’ dan ‘maju’ ini tidak sukar untuk dipertahan dan dikembangkan memandangkan realisme itu sendiri pernah ‘berjasa’ kepada sastera Melayu kerana telah memodenkannya, iaitu ‘fakta’ sejarah yang telah diperakukan oleh sarjana, pentadbir dan mubaligh Barat dan juga sarjana tempatan. Begitu juga, bagi negara yang pernah dijajah oleh Barat, kaitan realisme itu dengan Barat (berbanding Islam dan Timur) sudah cukup untuk memastikan ia dilihat dalam konteks ‘moden’ dan ‘maju’ seperti yang dikatakan itu. Rujukan kepada ‘berani’ juga mempunyai daya tarikkannya sendiri kerana selain konotasi positif perkataan tersebut, pendedahan subjek tabu khususnya seks yang dilakarkan secara grafik serta penggunaan bahasa kasar dan cabul, yang jelas bertentangan dengan kesantunan Melayu dan Islam, kini diperikan sebagai satu penerokaan mencabar yang hanya mampu dilakukan oleh yang bukan pengecut, yakni satu kegiatan yang di bawah naungan ilmu ‘maju’ (Barat) di atas itu, kini menjadi ‘terhormat’ dan sah. Begitu juga dengan rujukan kepada ‘jujur’, yang juga mempunyai daya tarikkannya sendiri, selain daripada berkonotasi positif.

Dalam konteks masyarakat yang memang ada kemiskinan, kebobrokan dan kebejatan, dakwaan ‘jujur’ sangat mudah untuk dipertahankan kerana realiti masyarakat itu sendiri memperakukan kebenarannya. Oleh itu, ia dapat digunakan tanpa banyak masalah, malah menyatakan kebalikannya boleh diperikan sebagai satu khayalan atau pelarian daripada kenyataan Shahnnon (1997: 43), yang dengan sendirinya membawa konotasi negatif. Apa yang jelas ialah melalui *Laporan* satu bikinan berupa satu rangkaian idea mujarab ‘moden-maju-berani-jujur’ telah diusaha, disubur dan dikembangkan sebagai idea yang penting dan relevan hingga ke hari ini. Sama ada digunakan secara serangkaian idea atau secara idea sendirian, bikinan ini memastikan realisme Barat senantiasa dibentengi oleh jaminan positif tersebut. Ternyata, bikinan ini telah dapat memainkan peranannya dengan jayanya selama ini. Betapa ia masih kekal bertaring dapat dilihat pada Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Abdullah Hussain yang diadakan pada 19-20 Oktober 2011, apabila Mohamad Saleeh Rahamad, sama ada secara sedar atau sebaliknya, menyandarkan hujahnya tentang adegan kebejatan moral dalam novel picisan *Kuala Lumpur Kita Punya* seperti berikut: “Penguasaan wanita ke atas lelaki merupakan suatu wacana feminisme yang dibawa oleh Abdullah Hussain sebagai suatu *kejujurannya* memerihalkan lelaki dalam masyarakatnya” (Mohamad Saleeh 2011: 13).¹⁴ Perlu diingat, bikinan ini berkait rapat dengan peranan *Laporan*, seperti yang dilihat di atas. Dengan kata lain, melalui *Laporan* idea ‘realisme Barat itu positif’ telah diinstitusikan dan dengan itu menjadi rasmi. Ini dengan sendirinya menjadikan realisme wajar dan mudah dimanfaatkan oleh semua, seperti lagaknya sebuah konvensi sastera.

Iklm Sastera

Pemartabatan realisme dan realiti ke status konvensi sastera juga dikaitkan dengan konteks atau iklim sastera yang memihak kepada fahaman realisme sebagai ciri dunia sastera Melayu Malaysia. Pembentukan iklim sastera yang pro-realisme ini dapat dilihat, antara lain, pada *Laporan* panel itu sendiri sebagai konteks spesifik yang memudahkan dan sekali gus mempercepat pembentukan iklim tersebut. Di samping apa yang telah dibahasakan di atas, adalah juga jelas bahawa hasil daripada *Laporan* panel tersebut ialah terpilihnya penulis tertentu yang seterusnya diiktiraf sebagai tokoh.

Dengan mengelilingi tokoh-tokoh ini serta karya mereka dengan pujian, sanjungan dan kritikan positif (malah penelitian kesemua *Laporan* dari yang pertama hingga *Laporan* terakhir memperlihatkan betapa langkanya kritikan yang negatif) seperti yang telah menjadi semacam budaya penulisan *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara*, lalu beberapa idea tentang pemanfaatan realisme dalam penulisan kreatif dan juga kritikan seperti yang diamalkan oleh tokoh berkenaan dan diperakukan oleh *Laporan*, muncul sebagai idea-idea dominan dalam penulisan kreatif, dan lebih penting lagi, sebagai idea yang ‘sudah terbukti keberkesanan dan kejayaannya’. Seterusnya, karya-karya yang mendukung pemanfaatan realisme tersebut dengan mudah dan tanpa banyak masalah diperi dan diperakukan sebagai khazanah negara yang membentuk tradisi penulisan kreatif Melayu yang sah (dan kritikan yang memperakukan karya mereka ini pula dianggap kritikan yang sah), dan wajar dibanggakan dan seterusnya diwariskan. Ia juga wajar dicontohi. Ini mempunyai implikasi di luar konteks *Laporan* kerana penokohan yang diabsahkan oleh *Laporan* kemudian dimantapkan dengan sokongan berupa penerbitan karya mereka, seminar tentang pemikiran mereka, penulisan tesis, makalah, buku tentang karya mereka dan sebagainya, sehingga terbentuknya satu iklim sastera yang padu. Ia bukan saja senang dengan idea-idea berkaitan realisme yang diperagakan, tetapi tidak canggung pula untuk menyokong dan memanjangkannya, di samping bersedia untuk mempertahankannya daripada sanggahan sekiranya dan apabila sanggahan muncul. Malah, sanggahan yang kritis, seperti halnya dengan kritikan berteraskan PB, ditolak dengan dakwaan gerun, iaitu kononnya akan hancurlah tradisi dan khazanah sastera Melayu sekiranya kritikan tersebut dihiraukan, hatta dakwaan gerun tersebut tidak disokong dengan hujah ilmiah dan objektif, yang lengkap dengan bukti kuat dari khazanah dan tradisi tersebut.

Ternyata, usaha dan amalan memuji dan menyokong di satu pihak, diimbangi pula dengan imuniti daripada kritikan dengan cara menghindar atau menimbulkan kesangsian, keraguan atau rasa tidak senang terhadap tulisan kritis tentang karya dan idea-idea yang dikaitkan dengan tokoh pilihan tersebut, yakni *discredit* apa jua tulisan yang kritis. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh Mohd. Affandi sebagai pemitosan tokoh tertentu terutama tokoh Sasterawan Negara. Ini semua memastikan terbentuknya iklim sastera yang kuat dan padu, yang tidak dapat tiada melainkan memantapkan kedudukan realisme dan idea-idea berkaitannya dalam sastera Melayu. Sesungguhnya, usaha ke arah itu telah bermula lebih awal lagi apabila Keris Mas (1952) menulis dalam majalah *Mastika* pada bulan Julai:

Angkatan baru mencuba mengeluarkan sebanyak-banyaknya hasil sastera yang berupa cita-cita penghidupan yang digubah begitu rupa menggambarkan terang-

terang apa yang buruk dalam masyarakat supaya rakyat tahu penderitaan yang tidak sepatutnya ditanggung oleh mereka...

Angkatan baru sekarang mahu menggambarkan terang-terang keburukan, kelemahan dan kerendahan darjat kita dalam hidup di dunia ini, di samping itu membayangkan bahawa kita tidak rela dengan penderitaan yang membawa kelemahan dan kerendahan itu ... (dalam *Laporan* 1981: 9).

Ternyata, pegangan yang jelas sendeng kepada realisme Barat ini mendapat suntikan tenaga dan mandat baru apabila ia dirasmi dan diinstitusikan, seperti yang dilihat di atas. Dengan mandat rasmi dan segala imunitinya itu, pengukuhan iklim sastera pro-realisme Barat dengan mudah dapat dilaksanakan. Sesungguhnya, sendengnya iklim sastera kepada realisme Barat ini dapat dilihat pada betapa cepat dan mudahnya Shahnnon Ahmad memberi respons apabila novel mithalnya *Tivi*, yang melakarkan secara grafik babak hubungan sumbang mahram, dipertikaikan:

Bukankah realiti masyarakat kita sekarang ini sedemikian rupa? Banyak yang sudah melampaui batasan dalam persoalan melayani nafsu yang sememangnya tidak pernah puas terlayan pun sampai bila-bila...

Jangan marahkan saya kalau terasa kelucuannya [sic: kelucahannya?], terasa erotikanya, terasa pornografinya kerana saya hanya mematuhi tuntutan realiti masyarakat dalam berkarya. Saya tidak boleh berbohong dan cuba mengajak pembaca [lari?] dari realiti masyarakat. Kelucuan, erotika dan pornografi itu adalah *real*; malah sudah pun melampaui batasannya di luar duga (Shahnnon 1997: 43).

Hanya dalam konteks iklim yang jelas memihak kepada realisme Barat saja jawapan seperti itu mendapat perhatian dan diberatkan. Begitu juga, apabila soal pelacur baik hati yang dibawa oleh novel *Salina* itu dipertikaikan, A. Samad Said menjawab itulah realiti yang sebenar kerana beliau sendiri memang berpengalaman berjiran dengan pelacur yang melayan pelanggannya demi mendapatkan wang untuk membantu seseorang (Mohd. Zariat 1999: 14-16).¹⁵ Sebenarnya, bagi A. Samad Said hakikat beliau menyenangi realisme Barat ini diakui sendiri dalam tulisannya yang menjelajahi proses penciptaan novel dan drama seperti buku *Antara Bulan dan Wira* (1989) dan *Dari Salina Ke Langit Petang: Proses Mencipta Novel* (1979) yang jelas menunjukkan betapa realisme menjadi tunjang karyanya, "...dari dulu hingga sekarang saya lebih akrab dengan realisme" (A. Samad 1989: 11-12).

Di tempat lain, beliau menulis, "Dalam dekad 70-an saya mula lebih berjejak atas realitas...." (A. Samad 1989: 65). Sesungguhnya, keakraban A. Samad Said dengan realisme tidak dapat dipertikaikan lagi. Begitu juga, berlatarbelakangkan iklim sastera yang sedemikianlah Ruzy Suliza Hashim segera menarik perhatian kepada realisme yang terdapat dalam dua novel SN Arena Wati, "*Rontok* dan *Royan* nukilan Arena Wati merupakan novel yang mematuhi ciri-ciri realisme dalam pengkaryaan sastera" (Ruzy Suliza 2010: 445).¹⁶ Menurut Ruzy Suliza (2010: 449), novel *Royan* itu 'berlandaskan realiti adat meminang kaum Kadazan', sementara bagi novel *Rontok* pula, "novelis menggunakan data realistik untuk menunjukkan penganiayaan terhadap kanak-kanak migran yang tidak beribu-bapa, buta huruf dan terbiar" (Ruzy Suliza 2010: 450). Malah, beliau mengutip laporan *World Street Children*

News untuk menyerlahkan betapa tepatnya lakaran Arena Wati dengan realiti penderitaan kanak-kanak jalanan (Ruzy Suliza 2010: 450). Iklim sastera ini jugalah yang memungkinkan Mohamad Saleeh Rahamad untuk memperkatakan kejujuran Abdullah Hussain melakarkan kerosakan moral masyarakat Kuala Lumpur di seminar yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka itu. Bagi Azizi pula, iklim sastera beginilah yang memberinya 'keyakinan' (perkataan beliau sendiri, Azizi 2007: 9) untuk memanfaatkan kebobrokan sebagai ciri penting dalam novelnya, seperti yang akan dilihat di bawah nanti.

Ternyata, dunia sastera Melayu secara sedar dan sengaja membentuk iklim sastera yang jelas memihak kepada fahaman realisme Barat, dan dengan itu memungkinkan fahaman tersebut memakai wajah sopan, hormat dan maju, di samping boleh pula dimanfaatkan dengan mudah, bebas dan berterusan. Malahan lebih penting lagi, pemanfaatannya juga menguntungkan sama ada dari segi kewangan mahupun penghormatan. Seterusnya, dengan memberinya kekebalan atau imuniti daripada sanggahan dan sangkalan, fahaman realisme Barat tersebut dengan mudah dapat menghadirkan dirinya sebagai antara ciri fundamental penulisan kreatif dan kritikan Melayu, yang membentuk tradisi dan warisan. Dengan kedudukan sedemikian, ia menjadi sebahagian daripada kehidupan dan kegiatan sastera Melayu, diguna pakai dengan selesa, yakin, bangga dan tanpa curiga. Dengan kata lain, ia telah menjadi konvensi sastera: ia dimanfaatkan sewajarnya, tidak lagi dipersoalkan, jauh sekali dipertikaikan.

Pengkonkritan Realisme Barat dalam Karya Kreatif

Perbincangan tentang pemartabatan fahaman realisme Barat sebagai konvensi sastera Melayu tidak akan sempurna sekiranya tidak dibicarakan pemanfaatan dan penterjemahan fahaman realisme tersebut ke dalam karya kreatif secara konkrit. Untuk itu, makalah ini meneliti novel *Melukut Kota* (seterusnya *MK*) oleh Azizi Abdullah, yang akan ditinjau dari segi konteks spesifik kelahiran novel tersebut, iklim sastera dan kaitannya dengan keyakinan Azizi selaku penulis, dan penerapan keyakinan tersebut secara praktis dalam bentuk kreatif, yang kesemuanya diteliti dalam kerangka realisme dan kaitannya dengan konvensi sastera.

Dalam bukunya *Kuras-kuras Kreatif* (2007), Azizi menjelaskan pemahamannya tentang penulisan novel. Menurut beliau:

...Pada masa itu [1960-an] karya kreatif berunsur lucuh sering tersiar... Saya cuma nampak dunia kejahatan sahaja yang perlu ditulis jika mahu menjadi seorang penulis... (Azizi 2007: 8).¹⁷

...Apabila dunia penulisan menjadi perkara nombor satu, saya berasa perlu tahu apa yang saya tidak tahu. Salah satunya ialah dunia pelacuran (hlm. 8).

...Bagi saya ketika itu, dunia penulisan ialah dunia yang penuh dengan kekotoran yang perlu dibongkar dan diceritakan kepada umum. Bagi saya ilham hanyalah boleh diangkat dari tempat kotor termasuk di dalam tandas... (hlm. 9).

...Malangnya, saya tidak pernah terfikir ketika itu perlunya seorang penulis berada di masjid... (hlm. 9).

Pemahaman yang menyenangkan kebejatan dan kebobrokan menjadi ‘pegangan’ beliau adalah disebabkan oleh iklim sastera atau kadangkala dirujuk sebagai konteks ‘intelektual’ dan ‘ideologi estetik yang mengelilinginya, seperti yang diakuinya sendiri:

...Ini bukan salah saya. Yang salah ialah karya dan penulisan penulis lain yang mendedahkan dan menelanjangkan semua ini sehingga memberi *keyakinan* bahawa jika hendak menjadi penulis, dunia seperti inilah yang perlu dikecimpung... (9, penekanan ditambah).

Lanjutan pemahaman seperti itu, yang seterusnya menjadi satu keyakinan, lalu Azizi menelusuri *red light district* atau ‘tempat-tempat maksiat’ (Azizi 2007: 9) sebagai ‘usaha’ mencari pengalaman (lihat hlm. 8-10). Adalah menarik diamati bahawa bagi Azizi tempat-tempat pelacuran itu adalah sumber ‘ilham’ tulisannya.

Merujuk secara khusus kepada *MK*, yang proses penulisannya dibincangkan di bawah subjudul ‘Proses Novel’ dalam buku tersebut, Azizi menegaskan pentingnya pengalaman untuk menghasilkan karya:

Pengalaman bagi saya adalah unsur terpenting dalam berkarya. Ramai penulis yang menulis bukan hasil daripada pengalaman dirinya. Walau bagaimanapun pengalaman diri akan memudahkan penulis menghasilkan sesebuah karya. Demikian halnya dengan novel *Melukut Kota* yang bertitik tolak daripada pengalaman sendiri (hlm. 111).

Dalam bab yang sama Azizi menjelaskan motivasi penulisan novel tersebut:

Saya menulis atas dasar simpati walaupun sesebuah novel tidak dapat menolong orang tertentu. Saya perlu merakamkan pergolakan hidup saya ini *tetapi saya tidak tahu untuk tujuan apa* (hlm. 11, penekanan ditambah).

Kutipan-kutipan di atas menyerlahkan beberapa perkara penting tentang penulisan Azizi secara umum dan penghasilan *MK* secara khusus. Pertama, jelas pemahaman Azizi tentang realiti dan penulisan lebih mirip kepada fahaman realisme Barat, hatta beliau sendiri mungkin tidak sedar tentang perkara tersebut. Secara khusus ia adalah fahaman ‘realiti’ yang tertumpu kepada domain fizikal atau pancaindera. Lebih penting lagi, realiti tersebut pula tertumpu kepada kebobrokan, persis seperti yang disimpulkan oleh Morris. Merujuk secara khusus kepada *MK* yang ternyata didasarkan kepada pengalamannya sendiri, yang dilalui dan dialaminya dan bukannya melalui perantaraan. Novel tersebut boleh dikatakan mendapat kekuatan tambahan lantaran sandarannya adalah pengalaman yang benar-benar dialami oleh penulisnya dan bukannya hasil khayalan semata. Jelas, *MK* memang mempunyai banyak persamaan dengan pengalaman peribadi Azizi sendiri, yang berkenalan dengan Saodah, seorang penari kelab malam yang digantung tidak bertali, dan bagaimana beliau menjadi rapat dengan penari tersebut, membantunya untuk mendapatkan haknya dan sebagainya (lihat hlm. 111-117). Menurut Azizi lagi, “Memproses novel *Melukut Kota* saya hanyut dengan keadaan tidak bermoral” (hlm. 116).

Selain itu, adalah penting untuk diamati bahawa *MK* bertolak daripada dasar simpati seperti yang difahami oleh Azizi, tetapi penghasilan novel tersebut tidak pula mempunyai tujuan atau matlamat apa-apa. Ini jelas bertentangan dengan pendirian PB yang menegaskan bahawa kegiatan penulisan dalam konteks Islam adalah jelas untuk tujuan menyampaikan ilmu yang benar.

Bertolak daripada pemahaman realiti yang terhad kepada realiti fizikal, yang bersifat bobrok pula, serta dimantapkan dengan keyakinan bahawa itu adalah fahaman yang betul dan tepat, digabungkan pula dengan ketiadaan niat yang jelas selain daripada simpati, dan diperkukuhkan oleh pengalaman sendiri sebagai sandaran kukuh penciptaan novel *MK* - ini semua adalah persediaan Azizi untuk menukilkan novel *MK*. Lantas *MK* hadir sebagai rakaman secebis kehidupan tanpa pretensi (berpura-pura) untuk menawarkan lebih dari itu. Bagi Azizi ini sudah cukup, dan beliau telah menjalankan tugasnya sebagai penulis dengan baik. Azizi jelas tidak merasakan adanya kekeliruan dalam pemahamannya itu. Sebagai pengisahan secebis kisah hidup, hasil iklim atau konteks keyakinan dan pemahaman realiti tertentu itu, adalah tidak keterlaluan sekiranya beberapa perkara, yang bakal menjadi nadi atau batu bata penceritaan kisah hidup itu, dapat diandaikan dengan tepat. Antaranya ialah paksi naratif yang tertumpu kepada pergaulan dan hubungan lelaki-wanita sebagai manifestasi kebobrokan (ini merupakan *trademark* Azizi),¹⁸ watak kerdil, bahasa yang tidak santun, tiadanya pantauan moral yang jelas, pemerian yang rinci dan persis, dominannya aktiviti fizikal dan sebagainya, yang semuanya sesuai dengan tumpuan kepada realiti fizikal. Seterusnya, dengan tumpuan sedemikian adalah sangat besar kemungkinannya ia tidak akan mengetengahkan wacana atau pemikiran lantaran 'keyakinan' dan pemahaman Azizi (dan juga dunia sastera Melayu secara keseluruhannya) bahawa menceritakan kebobrokan itu sendiri adalah *core business* (urusan hakiki) penciptaan sesebuah novel. Justeru, adalah tidak menghairankan apabila tumpuan *MK* ialah kepada cerita dan membikin-cerita ala acuan fahaman realisme yang klasik, hatta ini (iaitu bahawa fahaman tersebut persis fahaman realisme Barat) mungkin tidak disedari oleh Azizi sendiri.¹⁹ Sesungguhnya novel ini menawarkan bukti yang cukup lumrah tentang pengkonkritan fahaman realisme Barat dalam bentuk kreatif, namun untuk tujuan makalah ini yang menangani soal pemartabatan realisme dan realiti, hanya beberapa aspek penceritaan novel ini sahaja yang dibincangkan, iaitu aspek kebobrokan sebagai garapan utama, perincian dan rincian serta penggunaan bahasa. Adalah diandaikan contoh-contoh yang diutarakan itu memadai untuk menyokong hujah bahawa realisme Barat dimanfaatkan secara sewajarnya kerana ia (realisme Barat) sesungguhnya telah diyakini sebagai konvensi sastera Melayu.

MK mengisahkan tentang Miah yang melarikan diri bersama anak-anaknya, Pie dan Hatiah dari suaminya, Mohd. Faruk, pemabuk dan kaki judi, yang memaksanya melacurkan diri. Di Tanjung, Miah serta anak-anaknya tinggal bersama Deris, seorang penarik beca, di rumah setinggalan kepunyaan Deris. Miah bekerja sebagai penari kelab malam untuk menyara diri dan anak-anaknya sehingga mereka besar panjang. Hakikat bahawa Miah dan Deris tidak ada ikatan nikah yang sah, dan tidak mempunyai hubungan kelamin, tidak diketahui oleh anak-anaknya, yang menganggap Deris sebagai bapa angkat mereka. Satu hari suami Miah, Mohd. Faruk, muncul setelah sekian lama menghilangkan diri dan mengajak Miah kembali hidup bersama. Miah setuju mengikut suaminya. Lanjutan itu, Hatiah keluar rumah dan tinggal bersama kawannya, Pie mencari arah sendiri dan Deris kembali tinggal seorang diri.

Dengan judulnya *Melukut Kota*, adalah tidak sukar untuk mengenal pasti dunia yang dijadikan latar novel ini, watak yang menghuni dunia tersebut, kegiatan yang mendukung kehidupan penghuni dunia berkenaan, persekitarannya dan sebagainya. *MK* memang menyajikan kisah kehidupan mereka yang terpinggir dan terbuang, iaitu mereka yang kehadirannya tidak mengurang atau melebihi. Justeru, adalah tidak menghairankan apabila cerita tertumpu kepada rebah bangun melukut kota ini, yang tumpuan utamanya ialah mencari duit untuk menyambung hidup, yang sekali gus dikaitkan dengan soal pergaulan dan hubungan lelaki-wanita. Kalau ditinjau dari segi persekitarannya, *MK* berlegar pada kawasan setinggan yang sesak, persekitaran yang kotor dan menjijikkan, keadaan rumah yang compang camping, prasarana dan kemudahan asas yang ala kadar, dan sebagainya. Dari segi wataknya pula, dunia ini menampung Miah, seorang penari kelab malam, Deris, seorang penarik beca, Pie, penganggur, Hatiah pekerja kilang dan Mohd. Faruk seorang bapa ayam, di samping disesakkan pula dengan tauke kelab malam, pelacur dengan pelanggan mereka, penarik beca dengan penumpangnya dan sebagainya. Dari segi kegiatan pula, pembaca dihadapkan dengan rutin Miah menanti dirinya ditempah sebagai pasangan menari, atau menangani pelanggan mabuk yang lupa daratan, Deris mengayuh beca keliling kota mengira wang untuk perbelanjaan harian, Pie berebut mengutip duit sewa letak kereta secara haram, jiran tetangga yang bercengkerama atau berkelahi dan sebagainya. Apa yang jelas ialah dunia ini serta persekitarannya menyerlahkan watak-watak kerdil yang mewakili golongan masyarakat bawahan yang perit hidupnya, yang tidak dapat melewati situasi dan keperluan mereka yang asas, iaitu mencari makan untuk meneruskan hidup, dengan aktiviti utama tertumpu kepada soal pergaulan dan hubungan lelaki-wanita. *Melukut Kota* persis menyimpulkan keadaan mereka itu, dan dari segi ini judul novel ini memang tepat sekali. Seyogianya diingat, dari kaca mata realisme, tumpuan kepada masyarakat seperti ini memang menjadi pilihan dan urusannya.

Beralih kepada tumpuan dan garapan utama novel ini, *MK* jelas mengetengahkan soal kebobrokan sosial. Sehubungan itu, Miah, selaku watak utama, mendukung makna kebobrokan yang diungkapkan oleh *MK*. Sebagai penari kelab malam yang mula ditemui oleh pembaca, kerja sebagai penari itu ialah satu mata rantai dalam rentetan sejarah hidup yang penuh kebobrokan dan kebejatan, yakni bermula dengan perkahwinan dengan seorang lelaki kaki mahjung yang memaksanya menjadi pelacur dan menyepak terajangnya apabila dia enggan berbuat demikian dan akhirnya meninggalkannya tanpa nafkah; bersekedudukan selama dua tahun dengan seorang askar sebelum dia ditinggalkan; berkahwin dengan Mohd. Faruk, seorang bapa ayam yang ditinggalkannya apabila Faruk memaksanya menjadi pelacur; dan akhirnya tinggal serumah dengan Deris, seorang penarik beca, dalam satu perkongsian hidup tanpa nikah dan juga tanpa hubungan kelamin. Dalam cerita ini, semua hubungan lelaki-perempuan ialah hubungan yang melibatkan kebejatan. Hanya dengan Deris saja soal hubungan kelamin tidak timbul, namun seperti yang diakui oleh Miah sendiri, hubungan tersebut adalah salah. Justeru, dapat disimpulkan dengan mudah bahawa garapan *MK*, seperti yang tertera melalui watak utamanya Miah, menempelak nilai kesantunan Melayu serta akhlak Islam. Dan kebejatan moral ini terus dikekalkan oleh Azizi apabila pada akhir cerita Miah, yang diperlihatkan meninggalkan kawan serumahnya, Deris dan mengikut suaminya, tidak merasa terjamin bahawa kembalinya dia kepada suaminya itu akan bererti pertukaran hidup yang membawa kepada kebaikan kerana Miah sendiri sudah maklum kesenangan yang

dijanjiikan oleh suaminya itu akan diraih daripada hasil pelacuran. Justeru, kebobrokan jelas menjadi prinsip utama penciptaan dunia ini. Rakaman aspek jelek kehidupan itu, khususnya yang berlegar pada masyarakat bawahan adalah persis garapan yang dituntut dan disenangi oleh fahaman realisme Barat, hatta perkara ini mungkin tidak diketahui oleh Azizi.

Seterusnya, jika ditinjau dari aspek teknik penceritaan pula, antara teknik yang dipilih oleh Azizi untuk melakarkan dunia *MK* itu ialah pemerian yang digandingkan dengan rincian. Ini, seperti yang dilihat, memang menjadi teknik yang disyorkan oleh realisme, sesuai dengan tatacara saintifik yang mementingkan pendokumentasian ala *stock-taking*, iaitu teliti, rapi dan *exhaustive* (jenuh). Oleh itu, apa yang dipentingkan ialah rakaman semata. Ini disejajarkan dengan rincian. Justeru, dunia *MK* dibangunkan dengan merakam dan melakar dengan rinci sehingga persekitaran yang dilakarkan dan aksi yang digambarkan boleh menjadi apa yang disebut oleh realisme sebagai *a speaking picture*, sebuah gambar yang berkata-kata, dengan memanfaatkan kesemua tuntutan indera - penglihatan, hiduan baunya, pendengaran - yang semuanya dibangunkan semata-mata untuk urusan menjadikan cerita setepat atau seberapa *real* yang mungkin. Pemanfaatan teknik ini berfungsi untuk memberi kesan 'realistik', sehingga dunia, peristiwa atau lakaran yang ingin dibangunkan menjadi 'seperti benar' dan dapat 'dirasakan' atau 'turut dialami' oleh pembaca. Ini menjadikan karya lebih 'meyakinkan' dan boleh dipercayai. Ia juga memberi kesan penulis adalah 'jujur', dan oleh itu karyanya tidak perlu diragukan. Sebagai contoh, lihat lakaran di bawah ini: desiran ombak (pendengaran), selut, guni, tayar usang dan sebagainya (penglihatan dan sentuhan), bau yang hamis (indera hidu), asinnya air laut dan sebagainya (rasa):

...Ombak akan mendebur jika pusingannya air besar lalu membedal pantai yang berselut, pantai yang dihimpun oleh sampah sarap, pantai yang disekat-sekat dengan papan buruk, dengan kayu-kayu bakau yang reput, dengan tayar-tayar lori jahanam dan dengan apa saja yang boleh menjadi benteng untuk ombak terus membedal.

Begitulah...

Dan begitulah setiap hari dan hari-hari selanjutnya. Pasir dan selut akan bertahan semau-maunya (sic) dari sorot dan air yang membuak, lalu susut sedikit demi sedikit, menjadi pasir dan selut semakin berkurangan. Malah akan begitulah bahawa pasir dan selut di dalam uncang dan guni buruk, terpukul dan dipukul oleh keganasan ombak lalu menjadikan semua itu reput...

Bunyi hempasan ombak, heruk (sic) pekuk (sic) jerit tangis dari penghuni, sering berbaur dengan udara kotor dan pencemaran air dari longkang besar, dari minyak-minyak kapal dan dari sampah sarap yang terbuang. Selut yang berbaur dengan hancing dan hapak, menjadikan udara sekitar hapak yang lumrah... (Azizi 1987: 5-6).²⁰

Seterusnya, beralih kepada aspek lain pula dan sesuai dengan tumpuan kepada kehidupan manusia melukut kota dari kelas bawah, lantas bahasa yang digunakan adalah jauh daripada apa yang difahami sebagai 'bahasa yang indah', yang sering dikaitkan

dengan sastera yang dikatakan seni itu. Bahasa yang digunakan oleh Azizi adalah kasar, tidak tertib dan berbentuk carutan, iaitu bahasa yang tidak digunakan dalam situasi biasa oleh masyarakat beradab dan santun, tetapi diandaikan sesuai dan bertepatan dengan kegiatan yang mendasari dunia yang dilakarkan itu.²¹ Jelas, Azizi ingin mengekalkan kesan realistik, dan bersama pemerian, rincian dan aspek penceritaan lain yang tidak disentuh di sini, turut memperkukuh dan memperhebat kesan realistik yang dibangunkan itu. Contoh-contoh di bawah menyerlahkan bahasa yang kasar, yang tidak indah, berseni atau santun, di samping jelas unsur erotiknya:

Miah rela bersekedudukan dengan seorang jantan saja dari mengangkang pada setiap jantan (hlm. 50).

...Barulah dia tahu, ...bahawa lelaki yang bernama Mohd. Faruk... seorang lelaki 'barua' yang makan hasil lendir perempuan (hlm. 57).

Biarlah besar dia mengetahui bahawa ibunya menyaranya dengan hasil pelukan jantan setiap malam (hlm. 56).

Miah ikut jantan. Miah gatal puki (hlm. 80).

Rumah hasil duit lendir (hlm. 90).

"Sudahlah, pak pun sama mak pun sama. Pak cuma mahu jadi kendak. Mak pula nak cari jantan. Kalau menikah apa salahnya?" (hlm. 102).

Benarlah, Hatiah naik melalui pintu dapur dengan hanya berkemban. Tuala di letak (sic) di atas bahu. Kulit tubuh Hatiah tidaklah putih, dan tidak pula hitam. Dari simpulan kemban di atas buah dada, amat jelas kelihatan lurah antara dua susu Hatiah (hlm. 103).

Contoh-contoh di atas ialah antara contoh yang cukup lumayan, yang dengan mudah dapat dikesan dalam novel ini. Contoh-contoh tersebut membenarkan pegangan realisme bahawa realiti sebenar ialah realiti fizikal, bobrok sifatnya, dan secara praktis diperikan dengan rinci dan bahasa kasar. Dengan itu, ia menolak realiti hakiki yang pengungkapannya mengundang wacana yang disirat secara berseni dalam cerita, seperti yang ditekankan oleh PB.

Contoh yang diberikan dalam makalah ini dianggap memadai untuk menghujahkan bahawa *MK* jelas mendukung fahaman realisme Barat, seperti yang dikatakan itu. Hakikat bahawa Azizi dengan yakin, mudah dan bersahaja memperagakan kebobrokan dan kebejatan sebagai garapan utamanya, menggunakan pemerian dan rincian untuk mendukung garapannya itu, dan mengabadikan bahasa yang kasar bersifat carutan dalam novelnya itu memerihalkan satu 'keadaan' dan 'kedudukan' tentang teknik penceritaan, garapan dan bahasa itu sendiri. 'Keadaan' tersebut ialah betapa tepat, benar, sesuai dan tidak salahnya teknik, garapan dan bahasa tersebut di mata dunia sastera Melayu, dan ini kerana 'kedudukan'nya sebagai konvensi sastera dunia sastera tersebut. Dan sebagai konvensi sastera, ia memang

dimanfaatkan sewajarnya, seperti halnya Azizi memanfaatkannya dengan yakin, mudah dan bersahaja dalam novel *MKNya* itu.²²

Kesimpulan

Perbincangan di atas berusaha untuk menyerlahkan prasarana dan faktor yang memungkinkan pemertabatan realisme dan realiti seperti yang difahami oleh Barat ke status konvensi sastera dalam kesusasteraan Melayu, yang pemertabatan tersebut telah pun terpahat dengan kejapnya dalam karya kreatif Melayu. Ternyata Anugerah Sastera Negara melalui laporannya telah menyediakan mekanisme untuk realisme serta realiti bertapak, untuk memperkukuh kedudukannya dengan menjana autoritinya sendiri, di samping memperagakan dirinya sebagai moden, berani dan jujur. Di luar konteks Anugerah Sastera Negara ini tetapi berkait rapat dengannya, iklim sastera yang dibentuk meletakkan fahaman realisme Barat antara ciri penting penulisan kreatif (dan kritikan) Melayu, yang sopan, hormat serta maju, dan wajar dilestarikan dengan memanfaatkannya tanpa curiga atau segan silu. Hakikat terhasilnya novel *MKNya* dan novel-novel seumpamanya dalam dunia sastera Malaysia ialah bukti sahih realisme Barat sudah bertakhta sebagai konvensi sastera Melayu. Hakikat tersebut menafikan kewujudan realiti hakiki, meminggirkan ilmu dalam wacana, mengesampingkan seni menyirat makna, tidak membekas dalam dunia sastera Melayu. Perkara ini berlaku kerana realisme sudah mempunyai kedudukan kukuh sebagai konvensi sastera, yang lengkap dengan mantera serba bolehnya: 'itulah realiti'.

Nota Hujung

- * Makalah ini disesuaikan daripada kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu XI (SAKM XI) bertemakan 'Sastera dan politik: Antara kreativiti dengan realiti', anjuran bersama Universiti Kebangsaan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 7-8 Disember 2011.
- ¹ Terjemahan bebas saya. Seterusnya semua terjemahan bahasa Inggeris ke bahasa Melayu ialah terjemahan bebas saya.
- ² Untuk meminjam istilah Mohd. Affandi Hassan dalam penulisan, 'Sajak sebagai mantra baru dalam sastera Melayu moden' dalam blog beliau, Gagasan Persuratan Baru, http://pbaru.blogspot.com/2010_10_01_archive.html [Diakses pada 25 Januari 2011].
- ³ Kini terdapat banyak tulisan tentang gagasan PB, sama ada ditulis oleh pencetusnya sendiri, Mohd. Affandi Hassan atau pengamalannya. Sila lihat Mohd. Affandi (2010a; 2010b; 2008; 1997; 1994; 1992), Ungku Maimunah (2010a; 2010b; 2009; 2007) dan Mohd. Zariat (2010; 2004).
- ⁴ Sebagai contoh, sila lihat Ungku Maimunah (2010b).
- ⁵ Tentang perbezaan ciri dan fungsi kedua perkara ini, sila lihat Ungku Maimunah (2010b).
- ⁶ Biasanya, soalan yang diajukan apabila cerita menjadi tumpuan ialah: lepas itu apa? Adakah hero mati? Adakah dia dan wirawati berkahwin akhirnya? dan sebagainya. Apabila soalan-soalan seperti ini yang ditanya, inilah yang difahami sebagai mod bacaan naratif, iaitu kaedah bacaan yang mementingkan cerita dan perkembangannya hingga ke penyelesaiannya.
- ⁷ Biasanya, soalan yang diajukan apabila ilmu menjadi tumpuan ialah: apakah penjelasannya, hujahnya atau hujahan lanjutannya; bagaimana disanggah atau diperkukuhkan hujah, apakah rasional yang diajukan. Apabila soalan-soalan seperti ini yang ditanya oleh pengkritik, bentuk runtkaian yang digunakan ialah mod bacaan intelektual, iaitu kaedah bacaan yang mementingkan idea dan penghujahan idea sehingga idea

yang diketengahkan itu menjadi padat dan cukup untuk difahami.

8 Seyogia diingat bahawa ‘picisan’ menurut PB, tidak sahaja berlaku pada tulisan kreatif tetapi juga pada tulisan selain kreatif, termasuk tulisan ilmiah yang tidak dihujahkan secara objektif dan jitu bersandarkan ilmu yang benar.

9 Untuk melihat kekuatan PB berbanding teori Barat, sila lihat Ungku Maimunah (2010b).

10 Sila lihat Ungku Maimunah (2009: 1-31).

11 Wellek (1978: 242) melihat ini sebagai didaktisisme yang dibayang atau disembunyikan, “*We must recognize that in our original definition, ‘the objective representation of contemporary social reality’, didacticism is implied or concealed*” (Terjemahan: Kita perlu akui bahawa dalam definisi asal kita, ‘representasi objektif realiti sosial kontemporari’, didaktisisme itu dibayangkan atau disembunyikan).

12 “...it raises the question as to whether Eliot’s negative view of gambling... is undercut by the force of her realist representation which so powerfully naturalises the situation that there seems no opportunity for the reader to question the way things are. The empirical verisimilitude functions perhaps to imply that human weakness and vice have always injured the vulnerable and innocent and always will” (Morris 2003: 21) (Terjemahan: ...ia menimbulkan soalan sama ada pandangan negatif Eliot terhadap judi... dihakis oleh kekuatan representasi realisnya yang dengan bersemangat menjadikan situasi tersebut sebagai perkara lazim sehingga tidak ada peluang bagi pembaca untuk menyoal keadaan seperti adanya itu. Mungkin [data] empiri yang seolah-olah benar itu berfungsi untuk membayangkan bahawa kelemahan dan kebejatan manusia memang selalu mencedera yang lemah dan yang tidak bersalah, dan perkara sedemikian akan senantiasa berlaku).

13 Semua rujukan halaman ialah kepada *Laporan* tahun berkaitan.

14 Sama ada apa yang dilakarkan oleh Abdullah Hussain itu adalah satu wacana feminisme, boleh dipertikaikan. Yang relevan di sini ialah beroperasinya binaan yang diperkatakan itu dalam konteks sebuah kritikan dan penilaian.

15 Cerita pelacur yang baik hati sangat lumrah dalam sastera Barat, yang diungkapkan secara padat dan berirama, *a tart with a heart*, dan menjadi antara garapan popular dalam kalangan penulis.

16 Seterusnya, semua rujukan kepada tulisan Ruzy Suliza Hashim adalah daripada bab ini.

17 Dalam dunia sastera Melayu, dekad 1960-an ini sering dirujuk sebagai era ‘novel erotik’, ‘novel porno’ dan ‘novel picisan’ (sila lihat Ungku Maimunah 1998: 57-58.) Namun, perlu diingat cetakan pertama novel *MK* ini ialah pada tahun 1987, iaitu hampir dua dekad selepas era erotik 1960-an itu, yang juga merupakan dekad yang telah menyaksikan kebangkitan fenomena ‘sastera Islam’ dengan pendiriannya yang jelas bertentangan dengan novel erotik tersebut. Mengapakah pada tahun 1987 karya Azizi seperti *MK* masih memperlihatkan keyakinan 1960-an yang sama? Apakah faktor yang terus menyuburkan keyakinan Azizi itu? Satu perkara yang jelas di depan kita, yang tidak dapat dipertikaikan, ialah hakikat bahawa sehingga tahun 1987 kita sudah menabalkan lima orang Sasterawan Negara, empat daripadanya penulis naratif prosa iaitu Keris Mas, Shanon Ahmad, A. Samad Said, Arena Wati dan Usman Awang (lebih dikaitkan dengan puisi walaupun beliau juga menulis cerpen dan drama). Seperti yang dipaparkan dalam perbincangan tentang *Laporan* sebelum ini, *Laporan* jelas memperakukan realisme Barat, dan dengan kemampuannya untuk menjana autoritinya sendiri, yang diteruskan hingga ke hari ini, dibantu pula dengan iklim sastera yang memihak kepada realisme Barat, tidak hairanlah keyakinan Azizi terus menebal dan terus mencorak karya-karyanya, termasuk *MK*. Mungkin atas penjelasan yang sama juga dunia sastera Melayu terus menyambut baik novel *Tivi*, *Kawin-kawin* (yang diberi pengiktirafan memenangi hadiah Sako 2001) dan novel seumpama itu, di samping menghindari usaha untuk mempertikaikan novel-novel tersebut. Seterusnya semua kutipan daripada buku *Kuras-kuras Kreatif* adalah daripada edisi ini.

18 Lihat, umpamanya, Ungku Maimunah (2010b).

19 Dalam konteks ini, perlu diingat bahawa betapa kuatnya pengaruh dan cengkaman sesebuah pemikiran, keyakinan atau ideologi ialah apabila kehadiran dan pemanfaatannya itu tidak disedari oleh yang menggunakannya. Ini bererti, ia sudah menjadi sebahagian diri kita, sudah sehati - ia dibudayakan atau sudah *internalised*. Seterusnya, betapa kuatnya cengkaman ideologi atau keyakinan ini dapat dilihat apabila kehadiran dan penggunaannya ‘diwajarkan’ (oleh si pengguna).

- 20 Seterusnya, semua rujukan kepada novel *MK* ialah kepada cetakan ini.
- 21 Bersabit perkara ini, kita terpanggil untuk bertanya, bagaimanakah karya yang dibangunkan oleh bahasa yang sedemikian, seperti yang tertera dalam contoh-contoh yang diberikan itu, diterima sebagai bahasa yang berseni dan indah? Sekiranya *MK* diterima sebagai sebuah karya sastera, wajarkah definisi ‘sastera’ yang sering digunakan, iaitu ‘sastera ialah bahasa yang indah dan isi yang bermanfaat’ itu, diubah untuk menampung karya yang berbahasa sedemikian agar selaras definisi dengan produk yang didefinisikan itu?
- 22 Pada tahun 1988, Malaysia memilih Azizi Abdullah untuk mewakili negara menerima Sea Write Award, iaitu anugerah yang dianggap berprestij di rantau ini. Ini bererti dalam pertimbangan memilih Azizi untuk anugerah tersebut, novel *MK* (1987) ialah satu daripada karya Azizi yang diambil kira. Kita terdorong untuk bertanya, bagaimanakah Malaysia mewajarkan *MK*, sebuah novel picisan yang tidak menghormati tatasusila budaya Melayu serta nilai Islam, sebagai karya yang bermutu tinggi dan wajar mewakili Malaysia menerima anugerah tersebut? Adakah hakikat *MK* memperlihatkan pemanfaatan tepat fahaman realisme Barat dianggap kewajaran yang memadai? Atau, adakah hakikat *MK* secara ‘jujur’ merakamkan realiti sebenar itu (ia terbit daripada pengalaman peribadi Azizi) sudah cukup untuk menjustifikasikan apa yang dilakarkan seperti adanya itu? Apa pun jua, *MK* dan juga karya picisan Azizi yang agak lumayan itu (*Garis Lintang Anak Haram, Sami Mekong, Bila Hujan Malam*, untuk menyebut beberapa sahaja) berdiri sebagai tanda tanya kepada penilaian dan keputusan yang dibuat.

Rujukan

- A. Samad Said. 1987. *Dari Salina ke Langit Petang: Proses Mencipta Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. 1989. *Antara Bulan dan Wira*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Abdullah. 1987. *Melukut Kota*. Kuala Lumpur: Penerbitan Azam.
- Azizi Abdullah. 2007. *Kuras-kuras Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Forster, E.M. 1968. *Aspects of the Novel*. Harmondsworth: Penguin.
- Furst, L.R. (pnyt.) 1992. *Realism*. London: Longman.
- Grant, D. 1970. *Realism*. London: Methuen.
- Hemmings, 1974. *The Age of Realism*. Harmondsworth: Penguin.
- Keris Mas. 1952. Pandangan yang keliru terhadap aliran Angkatan Baru. *Mastika*: Julai.
- Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1981*. 1981. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1982*. 1982. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1985*. 1986. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1987*. 1988. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1996*. 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 2003*. 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 2009*. 2009. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maupaussant, G. 1992. Realisme as ‘illusionism’. Dlm. Furst, L.R. (pnyt.). *Realism*. London: Longman.
- Mohamad Saleeh Rahamad. 2011. Kuala Lumpur kita punya: Paparan realiti sosial bebas nilai dan bebas ruang. Kertas kerja Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Abdulah Hussain. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 19-20 Oktober.
- Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani. 2008. *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan. 1992. *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan. 1994. Mengapa saya menulis *Aligupit*. *Dewan Masyarakat*: September.
- Mohd. Affandi Hassan. 1997. *Pujangga Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

- Mohd. Affandi Hassan. 2004. Kesusasteraan Melayu di persimpangan jalan: Anti-Intelektualisme, hasad, pandirisme. Kertas kerja Siri Wacana Ilmiah DAMAI (Dunia Melayu dan Islam). Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 21 Disember.
- Mohd. Affandi Hassan. 2010a. Mengembalikan peranan ilmu yang benar dalam persuratan Melayu. Dlm. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pnyt.). *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori dan Praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan. 2010b. Sajak sebagai mantra baru dalam sastera Melayu moden. *Blog Gagasan Persuratan Baru*. <http://pbaru.blogspot.com> [30 Oktober].
- Mohd. Zariat Abdul Rani. 1999. Bacaan hermeneutik terhadap karya perang A. Samad Said. Tesis Sarjana. Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. 2004. Seksualiti dalam novel Melayu: Satu analisis teks berdasarkan Persuratan Baru. Tesis Dr. Fal. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. 2010. Ilmu dan penjaanaan ilmu dalam novel Melati Kota Bharu karya A. Kadir Adabi. Dlm. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pnyt.). *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori dan Praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Morris, P. 2003. *Realism*. London: Routledge.
- Ruzy Suliza Hashim. 2010a. Etnografi Melayu dalam *Rontok dan Royan* oleh Arena Wati. Dlm. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pnyt.). *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori dan Praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shannon Ahmad, 1997. Azab Allah: Juzuk yang digeruni dalam sastera Islam. *Dewan Sastera*: Oktober.
- Syah Waliyullah al-Dihlawi. 2005. *Hujjah Allah al-Balighh. Argumen Puncak Allah: Kearifan dan Dimensi Batin Syariat*. Jakarta: Pt. Serambi Ilmu Semesta.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1998. *Antara Kampung dan Kota: Rural Bias in the Novels of Shannon Ahmad*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2000. The construction and institutionalisation of Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi as the father of modern Malay literature: The role of westerners. Dlm. Smyth, D. (pnyt.). *The Canon in Southeast Asian literatures*. Richmond: Curzon.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2007. *Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita dengan Ilmu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2009. *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2010a. *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori dan Praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2010b. Wanita sebagai objek seks: Persepsi dan pengungkapannya dalam novel *Bila hujan malam* oleh Azizi Haji Abdullah. Kertas Kerja Seminar SEBUMI 3 2010. Anjuran bersama Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universitas Indonesia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 12-13 Oktober.
- Wellek, R. 1978. *Concepts of Criticism*. New Haven: Yale University Press.
- Winstedt, R.O. 1940. A history of Malay literature. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 17(3): 1-243.